

ثقیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

"SEHINGGA sekarang kita masih bercakap mengenai kepimpinan, kerana kita sememangnya masih memerlukan kepimpinan yang berwibawa di peringkat akar umbi. Dengan adanya kepimpinan seperti ini, dapatlah diharapkan masyarakat akan menerima kesannya lebih mendalam bagi menghasilkan kemajuan yang lebih pesat di lingkungan mukim dan kampung."

- Titah Sempena Majlis Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسن ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul kami) lalu kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 96).

TAHUN 61 / BILANGAN 35

21 MAC 2016 / 1437 جمادی الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

BRICS percepat pembangunan industri berteknologi tinggi

Utus tahniah kepada Presiden baharu Myanmar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden baharu (*President-elect*) Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Htin Kyaw.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan menghantar

titah perutusan tahniah kepada Presiden baharu (*President-elect*) Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Htin Kyaw.

Dalam titah perutusan berkenaan, Kebawah DYMM menyampaikan ucapan tahniah kepada TYT U Htin Kyaw di atas lantikannya sebagai Presiden baharu Republik Kesatuan Myanmar dan seterusnya

baginda berharap semoga TYT akan mencapai kejayaan dan dapat bekerja bersama dengan TYT dalam mengukuhkan lagi persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara baik secara dua hala mahupun sebagai rakan dalam ASEAN.

Pada mengakhiri titah perutusan tersebut, baginda menyampaikan salam muhibah kepada TYT.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Mac. - Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, berkata peruntukan sebanyak BND 172,234,000 di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN10) melalui Majlis Penyelidikan (Brunei Research Council) adalah bagi membaiki pelaksanaan Projek Penyelidikan di bawah Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi.

Katanya, sebanyak 52 Projek Penyelidikan telah diluluskan, iaitu 36 dari Universiti Brunei Darussalam, enam dari Universiti Teknologi Brunei, empat dari Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS) dan empat dari Inovative Technology and Creative Industries Division (ITCI), Jabatan Tenaga dan Perindustrian di bawah Brunei Research Incentive Scheme (BRICS), satu dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT) dan satu dari Jabatan Tenaga dan Perindustrian.

Setakat ini jelasnya, 16 projek telah dilaksanakan di mana peruntukan asal yang telah diikhaskan untuk melaksanakan 52 projek berjumlah BND 121,924,938.26. Daripada jumlah tersebut sebanyak BND 50,573,040.29 telah dibelanjakan, iaitu 40.13 peratus. Terang Yang Berhormat bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat



Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid berhubung Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi.

Jelas Yang Berhormat, dalam usaha menarik pelabur-pelabur asing untuk membuat penyelidikan dan pembangunan satu skim BRICS telah diperkenalkan dan segmen ini diperuntukkan sebanyak BND 50 juta.

Katanya, skim tersebut bertujuan mempercepatkan pembangunan industri-industri baharu terutama sekali industri berteknologi tinggi.

Ke muka 9

BIBD Bank Terbaik 2016

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

HONG KONG, Jumaat, 18 Mac. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dinobatkan sebagai Bank Terbaik di Brunei bagi tahun 2016 yang dianugerahkan oleh The Asian Banker (TAB), sekali gus mengekalkan kedudukannya sebagai Bank Terbaik Brunei selama empat tahun berturut-turut.

Majlis penganugerahan tersebut berlangsung di W Hotel Hong Kong pada acara Konvensyen Kecemerlangan Perkhidmatan Kewangan Tahunan TAB.

Hadir sebagai wakil BIBD untuk menerima anugerah berprestij tersebut ialah Timbalan Ketua Perbankan Pengguna BIBD, Dayang Hajah

Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar. Mengulas mengenai anugerah tersebut, Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar menyatakan bahawa BIBD berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas polisi yang kondusif, pelanggan BIBD ke atas langganan mereka dan perkhidmatan cemerlang kakitangan BIBD.

Pada masa yang sama, BIBD berasa rendah diri dan berbangga diiktiraf

sebagai Bank Terbaik di Brunei bagi tahun keempat berturut-turut. Mercu tanda ini berfungsi sebagai bukti ke atas segala usaha BIBD untuk menjadi pilihan utama para pelanggan.

Beliau juga menyatakan bahawa anugerah itu menjadi peringatan bagi BIBD untuk memastikan BIBD terus memberikan perkhidmatan perbankan yang terbaik bagi pelanggan dan membantu mereka mencapai aspirasi mereka.

TAB menyatakan bahawa walaupun keuntungan keseluruhan sistem perbankan, aset dan deposit di Brunei menurun, akan tetapi BIBD tetap berkembang di samping mengekalkan nisbah yang lebih rendah berbanding saingannya. Ini menyebabkan pertumbuhan dua digit dalam aset perbankan, dan peningkatan dalam keuntungan dan pendapatan.

Kenyataan itu juga menyebut tentang keupayaan BIBD dalam penyediaan keupayaan untuk menjadi bank pilihan pengguna, termasuklah

maklum balas positif daripada pelanggannya. Antara peningkatan yang telah dilaksanakan BIBD ialah Platform Digital Branch produk deposit dengan format tanpa kertas serta pemprosesan terus melalui pengeluaran automatik.

Kira-kira 200 pegawai kanan bank dari 29 buah negara di seluruh Asia Pasifik, Timur Tengah, Asia Tengah dan Afrika yang memenangi anugerah TAB hadir ke majlis tersebut sebagai pengiktirafan kepada usaha mereka dalam membawa produk-produk dan perkhidmatan kepada pelanggan masing-masing.

Program-program anugerah yang ditadbir oleh TAB adalah yang paling berprestij kerana ia dirujuk oleh tokoh bank global, perunding dan ahli akademik dan seumpamanya.

Penganugerahan ini merupakan suatu proses penilaian yang ketat selama tiga bulan berdasarkan kad skor yang seimbang dan telus bagi menentukan pemenang TAB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Mac. - Pasukan Brunei DPMM FC gagal memanfaatkan peluang beraksi di gelanggang sendiri apabila ditewaskan 1 - 2 oleh pasukan Tampines Rovers FC pada persaingan Liga Singapura (Liga S) di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas di sini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan.

Pasukan Tampines Rovers FC bermula garang dengan asakan-asakan pantas menerusi gandingan penyerang, Jordan Webb dan Billy Mehmet yang menguji pertahanan tuan rumah.

Pasukan didikan V Sundran Moorthy tidak menunggu lama untuk mencipta jaringan menerusi Billy Mehmet yang bijak menanduk bola ke gawang pasukan tuan rumah untuk mendahului jaringan 0 - 1 pada minit keempat.

Tuan rumah pantas bangkit untuk menyamakan kedudukan, tetapi tandukan pemain tinggi lampai, Rafael Ramazotti pula gagal menewaskan penjaga goal Tampines Rover FC pada minit ketujuh.

Sebaliknya pasukan lawan pula berjaya menambah jaringan menerusi Jordan Webb selepas menerima hantaran percuma dari luar kotak penalti pada minit ke-15.

Azwan Salleh hampir berjaya membolosi gawang lawan selepas bijak melepaskan kawalan pertahanan, namun rembatannya dapat dibaca penjaga gol pelawat pada minit ke-24, sementara Paulo Sergio pula menyalahkan diri sendiri apabila melepaskan rembatan serong dari gawang seminit selepas itu.

Asakan bertalu tuan rumah bagaimanapun gagal membolosi gawang pelawat sehingga berakhir pada babak pertama.

Brunei DPMM FC menukar rentak pada babak kedua dengan memasukkan Mohd. Shahrizen Said untuk memantapkan lagi serangan.

Rafael Ramazotti berjaya merapatkan kedudukan 1 - 2 apabila berjaya menewaskan penjaga gol Tampines Rovers FC pada minit ke-59.

Pasukan Tampines Rovers pula kehilangan

Brunei DPMM FC tewas tipis



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan pasukan Brunei DPMM FC menentang pasukan Tampines Rovers FC pada persaingan Liga Singapura di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Oleh : Samle Haji Jait

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

pemain pertahanan pada minit ke-70 apabila Afiq Yunos diperintahkan keluar padang selepas mengasari Paulo Sergio.

Bagaimanapun pasukan tuan rumah gagal menggunakan peluang beraksi dengan kelebihan pemain apabila pasukan pelawat berjaya mengekalkan kedudukan 2 - 1 sehingga ke wisel penamat.

"Pasukan kita tidak bernasib baik untuk memenangi perlawanan. Kita akur dengan kekalahan ini sekalipun banyak peluang untuk menjaringkan gol pada babak kedua. Pasukan pelawat bijak bertahan untuk mengekalkan kelebihan jaringan awal mereka untuk membawa pulang mata penuh," jelas Ketua Jurulatih Brunei DPMM FC, Steve Kean.



AKSI-AKSI menarik ketika perlawanan di antara pasukan Brunei DPMM FC (jersi merah hitam) dan pasukan Tampines Rovers FC (kuning hitam) pada persaingan Liga Singapura (Liga S).



Dari Sidang Pengarang.

21 MAC 2016 BERSAMAAN 1437 جمادى الآخر 12

ISI MASA CUTI DENGAN AKTIVITI BERMANFAAT

CUTI penggal pertama persekolahan bagi tahun 2016 telah pun bermula. Dengan kehadiran cuti persekolahan ini sudah pasti akan menggembirakan para pelajar setelah bertungkus lumus menghadapi sesi persekolahan. Tidak ketinggalan juga bagi guru-guru, pastinya mereka semua gembira kerana berpeluang untuk bersama keluarga masing-masing bagi melupakan seketika tugas mendidik anak bangsa. Namun yang demikian, ada juga segelintir guru-guru ini mengorbankan masa cuti mereka bagi memberikan kelas-kelas tambahan bagi para pelajar mereka dan tugas-tugas tertentu.

Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting sepanjang cuti persekolahan bagi mengisi masa terluang anak-anak mereka dengan merancang beberapa aktiviti bermanfaat. Para ibu bapa seharusnya mengajar anak-anak mereka supaya menggunakan masa cuti dengan bijak. Masa cuti sekolah bukan semata-mata untuk berseronok dan melupakan terus pelajaran bahkan ia perlulah diisi dengan kegiatan yang boleh membantu meningkatkan kemahiran insani dan kemahiran sosial anak-anak sebagai persediaan menuju alam dewasa.

Perlu diingat bahawa bimbingan ibu bapa adalah asas kepada menentukan dasar pembinaan akhlak, jadi diri dan kecemerlangan anak-anak. Apabila tumpuan ibu bapa terhadap anak-anak berkurangan, maka kadar keciciran anak-anak semakin meningkat. Dengan itu, mulalah anak-anak ini akan terikut-ikut dan meniru gelaja yang tidak diinginkan. Oleh itu, bagi mengelakkan perkara seumpama ini, pada peringkat awal pembesaran dan pendewasaan anak-anak ibu bapa memainkan peranan yang amat besar untuk menjadi petunjuk jalan teladan yang baik agar anak-anak menjadi insan berguna pada masa hadapan. Semua ini mudah terhasil jika anak-anak diberikan pendedahan awal. Melentur buluh biarlah dari rebungannya.

Sepanjang cuti persekolahan ini banyak aktiviti atau program untuk anak-anak dianjurkan bagi mengisi masa lapang mereka. Oleh itu, terdapat beberapa tip dalam memilih aktiviti atau program berkenaan untuk anak-anak antaranya. Ibu bapa hendaklah memilih aktiviti mementingkan nilai moral atau agama untuk disertai oleh anak-anak. Program-program seperti perkhemahan motivasi, ibadah dan sebagainya juga memberikan faedah yang berguna kerana ia membolehkan pelajar memahami hala tuju hidup, mengurus masa, tahu cara belajar dengan betul, memantapkan sahsiah dan memantapkan cara berfikir. Melalui kegiatan seperti ini, anak-anak dibekalkan dengan ilmu kehidupan dan kecemerlangan mampu bersaing dan pergi lebih jauh berbanding dengan mereka yang tidak pernah diberikan pendedahan.

Di samping itu, ibu bapa boleh membawa anak-anak mereka pergi ke perpustakaan bagi mengisi masa terluang mereka. Seperti lazimnya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Perpustakaan giat mengadakan aktiviti-aktiviti yang menjurus ke arah meningkatkan budaya membaca untuk melahirkan generasi modal insan kelas pertama terutama sekali dalam kalangan tunas bangsa dan muda-mudi di negara ini.

Selain itu, sepanjang musim cuti persekolahan ini ibu bapa berpeluang membawa anak mereka pergi melancong ke luar negara. Namun bagi mereka yang tidak berkesempatan melancong di dalam negara juga banyak memberikan manfaat buat anak-anak agar mereka lebih mengenali tempat-tempat menarik dan bersejarah di negara sendiri.

Sementara itu, semasa cuti persekolahan ini juga persatuan-persatuan mengadakan pelbagai aktiviti untuk ahli-ahli mereka seperti Persatuan Pengakap, Bulan Sabit Merah, Kadet Tentera, Kadet Polis dan sebagainya, dengan mengadakan perkhemahan yang diisi dengan aktiviti mencabar. Aktiviti seperti ini memang menjadi kesukaan para pelajar. Hal ini kerana aktiviti mencabar akan meningkatkan keberanian, jati diri dan semangat juang anak-anak. Namun ibu bapa hendaklah memastikan setiap aktiviti yang disertai anak-anak itu biarlah dalam kepasiti kemampuan mereka. Tidak lupa diucapkan selamat bercuti kepada semua pelajar dan guru di Negara Brunei Darussalam.

- **Ketua Penyuntingan (Rd).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Marlinawaty Hussin,
Ak. Sy'aruddin Pg. Dauddin

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Noriah Haji Abdul Hamid

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Mohammad bin Kahar

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Muhammad Hafizhuddin Tasad

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
 33 °C / 26 °C	 32 °C / 26 °C	 33 °C / 26 °C
MUARA		
 34 °C / 27 °C	 34 °C / 27 °C	 34 °C / 27 °C
PEKAN BANGAR		
 30 °C / 26 °C	 30 °C / 26 °C	 31 °C / 26 °C
PEKAN TUTONG		
 31 °C / 26 °C	 31 °C / 26 °C	 31 °C / 26 °C
PEKAN SERIA		
 33 °C / 27 °C	 33 °C / 27 °C	 33 °C / 27 °C
KUALA BELAIT		
 33 °C / 27 °C	 33 °C / 27 °C	 33 °C / 27 °C
Walaupun Bismillah		
Sumber: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN Telefon: Talian Cuaca 114		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Kenali bahasa dan budaya Jepun



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (dua, kiri) dan Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili (dua, kanan) semasa hadir pada perasmian Minggu Bahasa dan Budaya Jepun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Mac. - Minggu Bahasa dan Budaya Jepun berlangsung selama tiga hari bermula 18 hingga 20 Mac

di ruang legar, Pusat Membeli-Belah, Times Square. Hadir merasmikan aktiviti tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun di Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Noriko Iki dalam ucapannya berkata, Minggu Bahasa dan Budaya Jepun merupakan acara tahunan yang sebelum ini dikenali sebagai Minggu Budaya Jepun bermula pada tahun 2007 dan menjadi salah satu acara yang paling berjaya dikendalikan oleh Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam yang mempamerkan budaya, masyarakat dan pelancongan.

Tahun ini jelas Puan Yang Terutama, dua pakar Jepun dijemput pada Minggu Bahasa dan Budaya Jepun tersebut iaitu seorang artis terkenal Manga, Ms. Manaru Tenkawa dan International Ikebana Master, Ms. Risho Saito, dengan sokongan besar Yayasan Jepun.

PYT seterusnya berkata, Ms. Manaru Tenkawa akan mengendalikan demonstrasi Manga, bengkel pada 18 dan 19 Mac serta panel komik selain esei manga mengenai budaya dan seni khat Arab.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

"Acara ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada budaya tetapi juga mempromosi bahasa Jepun dan peluang untuk belajar di Jepun. Ini adalah sebab kenapa acara ini ditukar nama dari Minggu Budaya Jepun kepada Minggu Bahasa dan Budaya Jepun. Saya percaya bahawa pertukaran pendidikan adalah salah satu faktor paling penting dalam menyumbang kepada pengukuhan hubungan antara Brunei dan Jepun," ujar PYT.

PYT juga menambah, bilangan pelajar yang berdaftar dalam kelas bahasa Jepun adalah yang terbesar dalam kalangan semua kelas bahasa asing di Universiti Brunei Darussalam pada tahun ini.

Majlis perasmian turut dimeriahkan dengan kehadiran pelakon-pelakon karakter Ultraman.

Sepanjang acara tiga hari tersebut, pelbagai aktiviti diadakan seperti demonstrasi langsung dan petak-petak pameran bagi Manga (lukisan kartun

Jepun), Ikebana (seni gubahan bunga tradisi Jepun), masakan dari Chef Kedutaan Jepun, kaligrafi, origami, memakai Yukata (kimono kasual musim panas Jepun), seni mempertahankan diri Jepun, lagu-lagu dan tarian, rancangan kuiz dan lain-lain.

Acara itu dianjurkan oleh Pusat Membeli-Belah Times Square, Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dan Yayasan Jepun dengan kerjasama Persatuan Alumni Jepun - Brunei (BAJA), Divisyen Pendidikan dan Latihan Berterusan di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE - CET), Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) serta Alumni SSEAYP (BERSATU) dan juga pertubuhan-pertubuhan yang lain.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir menyertai Minggu Bahasa dan Budaya Jepun untuk memperolehi pelbagai pengalaman yang menyeronokkan dan pastinya tidak dapat dilupakan.

Kesihatan mulut asas kesejahteraan hidup

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Mac. - Kesihatan mulut merupakan asas kepada kesihatan keseluruhan, kesejahteraan dan kualiti hidup. Mulut yang sihat membolehkan kita untuk makan, bercakap dan bersosial tanpa rasa sakit, ketidak-selesaian atau rasa malu. Walau bagaimanapun, kebanyakan kita masih menganggap penyakit mulut bukanlah masalah kesihatan yang serius dan juga tidak 'bernilai' untuk dilaburkan masa dan kewangan, kerana penyakit mulut biasanya tidak mengancam nyawa seseorang.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi berkata demikian dalam perutusannya bersempena dengan Hari Kesihatan Mulut Sedunia 2016 yang diadakan hari ini dengan bertemakan 'Mulut Sihat, Badan Sihat'.

Yang Berhormat menyatakan bahawa walaupun penjagaan kesihatan mulut semakin canggih, kerosakan gigi merupakan salah satu penyakit yang paling lazim di seluruh dunia, yang memberi kesan negatif kepada berbilion-bilion manusia dalam kehidupan seharian dan memberikan kesan yang signifikan kepada sistem penjagaan kesihatan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa berjuta-juta hari kerja dan hari sekolah hilang setiap tahun disebabkan oleh kesihatan mulut yang tidak memuaskan, yang boleh memberi kesan impak ekonomi dan sosial kepada individu. Merawat penyakit mulut boleh menjadi sangat mahal, dan ia juga boleh memberi kesan negatif ke atas kejayaan kanak-kanak di kemudian hari, tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pada tahun 2012, WHO melaporkan bahawa 60% hingga 90% kanak-kanak sekolah telah mengalami kerosakan gigi; 15% hingga 20% orang dewasa berumur 35 hingga 44 tahun mempunyai penyakit *periodontal* (gusi) yang teruk; dan 30% orang dewasa yang berumur antara 65 hingga 74 tahun telah kehilangan semua gigi semula jadi mereka sama ada disebabkan oleh kerosakan gigi atau penyakit gusi.

Di Negara Brunei Darussalam, tambah Yang Berhormat lagi, data yang diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Pergigian, Sekolah-Sekolah, Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan, telah menunjukkan secara purata seorang kanak-kanak berumur lima tahun mempunyai empat gigi yang berlubang atau hilang atau bertambal manakala seorang kanak-kanak berusia 12 tahun mempunyai satu gigi yang berlubang atau hilang atau bertambal. Manakala, menurut data dari Pemeriksaan Kesihatan Bersepadu (Integrated Health Screening) bagi Kakitangan Awam 2007-2010, jumlah kerosakan gigi yang tidak dirawat adalah tinggi (59%) di kalangan orang dewasa berumur 18 hingga 24 tahun.

"Alhamdulillah, Kementerian Kesihatan telah memulakan fasa kanak-kanak bagi Kaji Selidik Kesihatan Mulut Kebangsaan 2015 - 2017 (National Oral Health Survey 2015 - 2017) dan insyaaAllah pelaksanaan kaji selidik fasa dewasa akan dilakukan pada akhir tahun ini. Hasil kajiselidik tersebut akan memberi petunjuk yang lebih baik dan terkini mengenai status kesihatan mulut di negara ini, yang akan membolehkan perancang dan pembuat dasar untuk merancang secara strategik dan memperbaiki perkhidmatan yang disediakan. Dengan penglibatan semua pihak yang berkepentingan yang lain, kita boleh mencapai salah satu sasaran Kementerian Kesihatan demi untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, iaitu secara purata seorang kanak-kanak berumur 5 tahun mempunyai satu gigi yang berlubang atau hilang atau bertambal manakala seorang kanak-kanak berusia 12 tahun mempunyai tiada gigi yang berlubang atau hilang atau bertambal," ujar Yang Berhormat.

Tema 'Mulut Sihat, Badan Sihat', menurut Yang Berhormat, bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat untuk menitikberatkan bahawa kesihatan mulut yang baik, bukan sahaja setakat untuk mempunyai senyuman yang menarik, malahan pada asasnya berkait rapat dengan kesihatan fizikal dan kesejahteraan secara keseluruhan.

Tema ini sangat relevan kepada kita di Negara Brunei Darussalam memandangkan tema ini mendukung tiga sasaran utama Kementerian Kesihatan iaitu untuk menjadikan kesihatan sebagai tanggungjawab semua, untuk meningkatkan kualiti, penyampaian perkhidmatan dan untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit, jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat tidak menafikan bahawa penjagaan dan kebersihan kesihatan mulut yang baik semestinya bermula daripada setiap seseorang individu, termasuklah sebelum dilahirkan.

Kajian telah menunjukkan bahawa ibu-ibu mengandung yang mempunyai masalah kesihatan dan kebersihan mulut boleh membawa kemudaratan kepada kandungan.

"Keutamaan ibu bapa dalam pemakanan anak damit, seperti penyusuan ibu dan penyusuan botol boleh memberi kesan yang berbeza kepada kesihatan mulut dan keseluruhan anak-anak mereka. Kajian juga telah membuktikan bahawa penyusuan botol akan menyebabkan kerosakan gigi dan susunan gigi yang tidak teratur di peringkat awal umur mereka. Sehubungan dengan itu, penyusuan ibu masih menjadi pemakanan yang paling terbaik dan yang disyorkan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa pendidikan adalah penting bagi ibu bapa dalam membuat pilihan dan keputusan yang lebih baik dan kita semua hendaklah sama-sama menjaga kesihatan dan kebersihan mulut.

"Kesihatan mulut dan kesihatan secara keseluruhan adalah berkait rapat, terang kerana ianya adalah disebabkan oleh faktor-faktor risiko yang sama dan perlu dipertimbangkan secara holistik," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, faktor risiko yang sama atau *common risk factors* termasuk pemakanan yang tidak sihat (makanan dan minuman yang mengandungi gula yang berlebihan), merokok atau penggunaan tembakau dan bahan-bahan yang boleh menyebabkan kanser, dan pengambilan alkohol yang berlebihan, adalah risiko yang sama bagi penyakit mulut dan juga penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit yang lain seperti penyakit jantung, kanser, kencing manis dan



KESIHATAN mulut jika tidak dijaga boleh memberi kesan negatif ke atas kejayaan kanak-kanak di kemudian hari.

penyakit paru-paru. Dalam kes kencing manis, penyakit gusi adalah dianggap sebagai salah satu komplikasi penyakit ini.

Oleh itu, Yang Berhormat menyarankan pencegahan awal terhadap kerosakan gigi, penyakit gusi dan kanser mulut boleh dilaksanakan dengan mengelakkan faktor-faktor risiko di atas serta mematuhi penjagaan kesihatan mulut yang betul dengan memberus gigi dua kali sehari selama dua minit dengan ubat gigi yang mengandungi 1,100-1,450 ppm (*parts per million* / bahagian setiap juta) fluorida, menghadkan makanan dan minuman yang manis pada waktu makan dan menjalani pemeriksaan pergigian setahun sekali atau seperti yang dinasihatkan oleh doktor gigi / jururawat pergigian biskita.

"Menghadkan pendedahan kepada matahari, mengelakkan merokok dan mengurangkan risiko daripada jangkitan Human Papillomavirus (HPV) juga akan membantu mencegah penyakit-penyakit mulut," tambah Yang Berhormat.

"Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang efektif, efisien, responsif, mampu dibiayai, saksama dan mudah diperolehi oleh semua rakyat di negara ini, dengan penekanan kepada promosi kesihatan mulut dan pencegahan penyakit."

"Jabatan ini komited untuk bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dan mengukuhkan program kesihatan mulut seperti program antenatal dan anak-anak damit; program 'Fluoride Varnish and Rolling Toothpaste Programme (TFRTP)' yang menumpukan ibu-ibu mengandung dan selepas bersalin, dan juga ibu bapa / penjaga kanak-kanak di bawah 5 tahun; dan Program Memberus Gigi berfluorida Harian di sekolah-sekolah rendah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat dan Kementerian Kesihatan mengharapkan sokongan yang padu dan penglibatan aktif yang berterusan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan dan segenap lapisan masyarakat termasuk setiap individu di dalam bersama-sama bertanggungjawab dan komited ke arah meningkatkan kesihatan mulut di negara ini.

Dengan yang demikian, Yang Berhormat menyeru orang ramai agar menjadikan kesihatan, termasuk kesihatan mulut, tanggungjawab semua. Bersama-sama merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dalam mencapai kualiti kehidupan yang tertinggi.

Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan 130 buah negara lain di seluruh dunia akan menyertai FDI World Dental Federation (FDI) untuk meraikan Hari Kesihatan Mulut Sedunia.

Upacara tamat latihan rekrut lelaki pengambilan ke-155



SETIAUSAHA Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa) Kementerian Kewangan, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad (dua, kiri) menyampaikan hadiah kepada penerima Platun Sarjan Lelaki Terbaik 16526 Korporal Mohd. Yasreen bin Haji Othman.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SETIAUSAHA Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa) Kementerian Kewangan, Awang Haji Nazmi semasa memeriksa perbarisan rekrut lelaki seramai 164 orang bagi pengambilan ke-155 yang menamatkan latihan.

PENANJONG GARISON, Jumaat, 18 Mac. - Seramai 164 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-155 telah menamatkan latihan asas ketenteraan selama 27 minggu dengan Upacara Perbarisan Tamat Latihan.

Majlis tersebut telah berlangsung di Padang Kawad, Institut Latihan ABDB (IL ABDB), Penanjong Garison, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat yang menerima Tabik Hormat pada

Upacara Perbarisan Tamat Latihan ialah Setiausaha Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa) Kementerian Kewangan, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Dalam ucapan tetamu kehormat menjelaskan, latihan yang dijalani akan membentuk rekrut tersebut untuk menjadi individu yang bertanggungjawab, amanah dan bersemangat tinggi.

Beliau juga menyentuh mengenai petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyatakan bahawa kemakmuran negara tidak membawa makna tanpa keamanan dan kestabilan negara.

Pada upacara itu, tetamu kehormat telah menyampaikan hadiah kepada jurulatih dan rekrut lelaki yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang latihan dijalankan.

Penerima-penerima hadiah termasuk 51471 Rekrut Mohd.

Harisuddin bin Zaini bagi Rekrut Lelaki Terbaik Keseluruhan; 51421 Rekrut Mohammad Noor Yazid bin Haji Mat Yunus bagi Akademik Terbaik; 51469 Rekrut Afi Amiruddin bin Jabih bagi Latihan Jasmani Terbaik; dan 51454 Rekrut Muhammad Rifqi bin Dullah bagi Penembak Repal M16 A2 Terbaik.

Sementara Jurulatih Lelaki Terbaik ialah 17926 Koperal Md. Nasir bin Siahat dan Platun Sarjan Lelaki

Terbaik ialah 16526 Koperal Mohd. Yasreen bin Haji Othman.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Komandan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan ahli-ahli keluarga anggota rekrut lelaki yang menamatkan latihan.

Perangkaan Pasaran Kerja - Januari 2016

Siaran Akhbar :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Mac. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah menyediakan Laporan Perangkaan Pasaran Kerja (PPK) yang merangkumi anggaran bilangan terkini pencari kerja serta profil mengenai pengambilan baharu dalam pekerjaan.

Penunjuk pasaran tenaga kerja bagi Januari 2016 adalah seperti berikut :

Bilangan pencarum yang baru berdaftar di Tabung Amanah Pekerja (TAP) ialah seramai 558 orang terdiri

daripada 108 orang yang bekerja di sektor kerajaan dan 450 orang di sektor swasta.

Secara keseluruhan, jumlah pencarum yang baru berdaftar di TAP dari bulan Januari 2015 hingga Januari 2016 ialah seramai 7,358 orang.

Seramai 414 orang baru mendaftar sebagai pencari kerja di Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sehingga bulan Januari 2016, bilangan pencari kerja dalam kalangan penduduk tempatan (rakyat Brunei dan penduduk tetap) yang berumur 18 hingga 59 tahun adalah seramai 10,714 orang.

Pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan penyertaan anak-anak tempatan di dalam pasaran kerja di negara ini khususnya di sektor swasta melalui dua pendekatan:

a) Meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran anak tempatan lepasan Peringkat 'O' dan 'A' dengan memberikan biasiswa atau latihan seperti Skim Biasiswa Khas, Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Institusi Pengajian Swasta Dalam Negeri (BPTV), Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional bagi Program Energy Industry Competency Framework (BPTV-EICF) dan Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP).

b) Memberikan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada anak tempatan melalui pengurangan kuota pengambilan pekerja-pekerja asing yang berkemahiran rendah.

Sebarang pertanyaan mengenai PPK ini bolehlah dirujuk ke JPKE dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut, telefon : +673 2230250 atau +673 2233344 (waktu pejabat); e-mel : info.statistics@jpke.gov.bn atau laman sesawang : www.depdp.gov.bn.

EX HBV / 2016 diadakan pada 1-7 April

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Mac. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan mengadakan eksekusi tentera yang dinamakan Eksekusi Hikmat Bersatu V / 2016 (EX HBV/2016) pada 1 April hingga 7 April 2016.

Eksekusi ini akan melibatkan kawasan-kawasan perairan, pedalaman, perumahan dan komersial serta jalan-jalan raya utama di beberapa buah tempat di kawasan Daerah Brunei Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Sehubungan itu, orang awam yang tinggal berdekatan dengan kawasan-kawasan eksekusi dinasihatkan agar tidak merasa

cemas dengan pergerakan anggota-anggota keselamatan atau pasukan beruniform termasuk konvoi kenderaan darat, pesawat udara dan pengangkutan laut serta penggunaan bahan-bahan letupan dan piroteknik yang akan digunakan semasa eksekusi.

Orang awam dinasihatkan untuk menghindari, menggunakan dan memasuki kawasan di mana eksekusi sedang dijalankan.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara tersebut, orang awam bolehlah menghubungi Pejabat Urusetia EX HBV / 2016 melalui talian +673 8788157 atau +673 8752700.

Kaji Selidik dalam talian khas bagi wanita

Siaran Akhbar : Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mac. - Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) akan mengadakan kaji selidik secara *online* atau dalam talian mengenai gangguan seksual di tempat kerja yang mana hanya dibukakan bagi wanita yang sedang atau pernah bekerja di sektor kerajaan atau swasta.

Projek ini adalah diunkayahkan bagi mengenal pasti permasalahan wanita mengenai perkara ini di tempat kerja dan juga untuk mengetahui sejauh atau seberapa mana ia terjadi. Pada kelazimannya, mangsa-mangsa yang mengalami gangguan ini tidak berani menyuarakan apa yang terjadi atau tidak tahu bagaimana dan ke mana untuk melaporkannya.

Melalui kaji selidik ini, respon-respon akan dianalisa dan seterusnya kajian ini akan melihat adakah terdapat mekanisme yang

berkesan dan sistematik untuk menangani aduan atau permasalahan yang dihadapi mangsa-mangsa gangguan seksual ini.

Kaji Selidik ini juga disempenakan dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang mana diraikan seluruh dunia setiap tahun pada 8 Mac. Sebagai mengambil sukut tarikh keraian wanita ini, borang-borang kaji selidik akan disebarkan melalui media sosial dan perhubungan elektronik (e-mel) selama sebulan mulai 8 Mac 2016. Penyeriannya akan ditutup pada 8 April 2016.

Kaji Selidik ini bolehlah didapati melalui laman sesawang <http://goo.gl/forms/iVWa25ytbJ>.

PSW seterusnya berharap para wanita yang menerima borang kaji selidik ini akan dapat mendukung projek PSW ini dan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam

memberikan maklumat yang tepat yang dapat membantu PSW untuk mengenal pasti secara lanjut permasalahan gangguan seksual di tempat kerja.

Untuk keterangan lanjut mengenai projek dan kaji selidik ini bolehlah menghubungi : Yang Di-Pertua PSW, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin melalui talian +673 8719599; Penolong Setiausaha Kehormat, Dr. Hajah Hairuni binti Haji Mohamed Ali Maricar melalui talian +673 8772502 atau Dayang Hajah Zuraidah binti Pehin Orang Kaya Pekerma Indera Dato Paduka Haji Sidek melalui talian +673 8748636.

PSW merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990. Sejak penubuhannya 26 tahun yang lalu, persatuan ini telah banyak kali mengendalikan program dan kegiatan kemasyarakatan, akademik dan profesional sesuai dengan matlamat penubuhannya.

St. George juara Pertandingan Koir, Lagu Patriotik

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Mohammad Fakhri Jamil
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Sekolah St. George muncul juara dalam Pertandingan Peringkat Akhir Koir Lagu Kanak-Kanak Brunei Antara Sekolah-Sekolah Rendah Senegara Ke-5 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun 2016 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan di sini.

Naib juara, Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhd. Jaafar, Kiarong, diikuti oleh Sekolah Seri Mulia Sarjana, Kampung Jangsak di tempat ketiga.

Sementara itu bagi Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Ke-22 pula juga disandang oleh Sekolah St. George dengan membawa lagu 'Anak Brunei'.

Sekolah Seri Mulia Sarjana, Kampung Jangsak dan Sekolah St. John pula masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

(KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Sementara itu, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Roslin bin Suhailee dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, sambutan tahun ini agak menggalakkan di mana sebanyak 14 buah sekolah telah mendaftar bagi menyertai kedua-dua pertandingan ini pada 27 dan 29 Februari yang lalu.

Jelasnya, hanya empat buah pasukan yang terbaik sahaja yang telah dipilih untuk mara ke peringkat akhir.

Dalam peringkat saringan pula tambahnya, semua pasukan telah mampu mempamerkan persembahan-persembahan yang mantap dan memberikan persaingan sengit dan ini merupakan satu pertanda positif yang menunjukkan perkembangan dan kemajuan budaya koir yang semakin menanjak di kalangan pelajar-pelajar bukan hanya di sekolah menengah, tetapi juga di sekolah rendah.

Pertandingan yang merupakan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli khasnya, antara lain bertujuan memantapkan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (empat, kiri) bergambar ramai bersama pasukan Sekolah St. George yang muncul juara dalam Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Ke-22.

jati diri anak bangsa sesuai dengan moto Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, iaitu 'Generasi Berwawasan'.

Selain itu, pertandingan seumpama ini juga bertujuan bagi membarigakan lagu patriotik Brunei khususnya

pelajar-pelajar di sekolah menengah dan maktab-maktab dan lagu kanak-kanak Brunei khususnya murid-murid sekolah rendah kepada orang ramai sebagai salah satu wadah pendidikan selain meningkatkan patriotsme dan cintakan negara dengan

penglibatan kegiatan kesenian dan kebudayaan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, guru-guru besar, para pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan dan KKBS serta guru-guru dan pelajar-pelajar.

Belia aset negara, pencorak bangsa

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor

TUNGKU, Rabu, 16 Mac. - Para belia mempunyai peranan yang sangat besar dalam memelihara dan mengangkat martabat negara. Belia juga merupakan golongan paling berpotensi untuk mencorakkan bangsa dengan apa jua corak yang mereka mahu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Yang Di-Pertua Gild Siswazah Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Muhammad Nuriskandar bin Mohd. Hasnan yang juga merupakan calon Falsafah Kedoktoran (PhD), semasa menyampaikan ceramah 'Youth Talk' bagi Minggu Aspirasi Islam 2016 (IAW 2016) bertempat di Pusat Pelajar UBD, di sini.

"Belia merupakan aset negara yang paling penting kerana di bahu merekalah kemajuan, kepimpinan, pendidikan, agama dan disiplin akan diletakkan pada masa akan datang. Malah mereka juga nantilah yang akan menjadi pemimpin di negara ini suatu hari nanti, maka adalah sangat *crucial* seorang belia itu berpendidikan tanpa

mengira dari mana asal usulnya," ujar Muhammad Nuriskandar.

Turut memberikan ceramah pada majlis tersebut ialah mahasisiwi PhD tahun akhir dalam Bidang Dakwah dan Kepimpinan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman dengan tajuk ceramah 'Peranan Pemuda Islam' dan mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Mohammad Khairul Azhar bin Idris dengan tajuk ceramahnya 'Sejarah Islam Membuktikan Kegemilangan Islam'.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Ugama dan Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD, Ustazah Dayangku Siti Norainul Fathni binti Pengiran Haji Tajuddin.

IAW 2016 dibukakan bagi kunjungan orang ramai selama tujuh hari bermula 15 sehingga 20 Mac bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang di mana pelbagai aktiviti akan diselenggarakan sepanjang program berkenaan termasuk



SIRI ceramah motivasi bersempena dengan Minggu Aspirasi Islam 2016 disampaikan oleh Yang Di-Pertua Gild Siswazah Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Muhammad Nuriskandar bin Mohd. Hasnan (berdiri) yang juga merupakan calon Falsafah Kedoktoran (PhD).

JSS hulur bantuan kepada pelajar mangsa kebakaran

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Mac. - Meneruskan pelajaran bagi anak-anak adalah jalan terbaik bagi mengubah nasib para ibu bapa yang kurang bernasib baik, justeru itu setiap pelajar adalah sangat digalakkan untuk hadir ke sekolah setiap hari.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan memberi nasihat demikian semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Derma bagi Mangsa Kebakaran di Sekolah Menengah Awang Semaun.

Beliau berharap dengan adanya bantuan itu akan dapat meringankan lagi bebanan yang ditanggung dan mempermudah lagi urusan persekolahan bagi mangsa kebakaran.

Majlis berkenaan diselenggarakan oleh JSS bertujuan bagi membantu beberapa pelajar dari Sekolah Rendah Haji Tarif, Sekolah Menengah Awang Semaun dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin yang mana rumah kediaman mereka di Kampung Tamoi Ujong pada 25 Januari dan Kampung Lurong

Sikuna pada 17 Januari 2016 yang lalu musnah dijilat api.

Sumbangan derma wang tunai itu adalah hasil kutipan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan JSS dan juga daripada maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah

dan sekolah-sekolah rendah di bawah lingkungan Kluster 1 dan Kluster 2.

Sumbangan derma yang dihulurkan adalah sebagai tanda prihatin dan simpati terhadap musibah yang menimpa pelajar-pelajar berkenaan.

Turut hadir pada majlis ini ialah pegawai-pegawai dari JSS, pengetua-pengetua, guru-guru besar dan guru-guru dari sekolah-sekolah yang berkenaan serta ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar yang terlibat.



MANGSA kebakaran yang terdiri daripada beberapa pelajar dari Sekolah Rendah Haji Tarif, Sekolah Menengah Awang Semaun dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin bergambar ramai bersama Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan (tiga, kanan); pegawai-pegawai dari JSS dan guru-guru Sekolah Menengah Awang Semaun.

persembahan dari kelab-kelab di bawah Eksekutif Keagamaan dan Kerohanian (EKK), ceramah motivasi daripada penceramah-penceramah jemputan dan pertandingan antara fakulti-fakulti dan sebagainya.

Antara objektif penganjuran program ini adalah bukan hanya

tertumpu kepada orang Islam sahaja malah untuk mewujudkan hubungan yang harmoni di antara pelbagai agama dan budaya selain untuk mengukuhkan serta membentuk seseorang individu untuk menegakkan iman yang tersendiri juga identiti dalam kalangan umat Islam di UBD dan memberi

sumbangan kepada masyarakat.

Ini juga adalah untuk mewujudkan kesedaran dan pemahaman tentang tujuan hidup ini, kepentingan Al-Quran, sirah (sejarah) Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta untuk menangani beberapa salah faham terhadap Islam.

Cungkil bakat guru melalui pertandingan Al-Quran

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Jumaat, 11 Mac. - Guru Kelas Al-Quran dan Muqaddam Pertandingan Al-Quran bagi Guru-dihasarkan bagi mencungkil bakat



ANTARA peserta qariah ketika memperdengarkan bacaan pada Pertandingan Membaca Al-Quran bagi Guru-Guru Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba.

guru-guru yang berkebolehan dalam bidang Terannum dalam membawakan apa jua lagu-lagu dalam pembacaan Al-Quran dan meningkatkan prestasi bacaan dalam pengajaran Al-Quran untuk diwariskan kepada murid-murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam.

Seramai lapan peserta terdiri daripada guru-guru Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba menyertai pertandingan berkenaan.

Ketua Kampung Rimba, Awang Puspawira bin Haji Mohd. Noor dan Pegawai Zon III Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Awang Ilmame bin Haji Othman antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Majlis diselenggarakan dengan bertahlil dan Doa Selamat sempena cuti sekolah penggal pertama yang akan mengambil masa pada



KETUA Kampung Rimba, Awang Puspawira bin Haji Mohd. Noor (kanan) semasa hadir pada majlis berkenaan.

minggu hadapan.

Ia adalah satu kegiatan berkebajikan dan merupakan aktiviti bermusim yang julung-julung kali diadakan

husus bagi para guru dan tenaga pengajar Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba.

Peserta Kursus Fardu Kifayah terima sijil

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

TANAH JAMBU, Ahad, 13 Mac. - Apabila berlaku kematian seorang Muslim, maka adalah menjadi kewajiban fardu kifayah bagi individu, ahli keluarga atau sebahagian anggota masyarakat untuk menyelenggara dan menguruskan jenazah tersebut dengan berhati-hati, lemah lembut, tidak kasar dan tidak melakukan sesuatu yang boleh mencabuli kehormatannya. Bahkan adalah berdosa jika kita menyakiti mayat, kerana dosa menyakitinya sama seperti dosa kita menyakitinya semasa hidupnya.

Schubungan itu, Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu telah menganjurkan Kursus Fardu Kifayah Pengurusan Jenazah bagi Muslimah penduduk Kampung Tanah Jambu yang diadakan di Masjid Kampung Tanah Jambu dan berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada peserta yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Ketua

Kampung Mentiri dan Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu, Awang Haji Bujang bin Sabtu.

Kursus yang dihadiri oleh 34 peserta perempuan itu memberikan tunjuk ajar mengenai apa yang perlu dilakukan sebaik sahaja berlaku kematian serta cara-cara menguruskan jenazah dengan betul.

Bengkel selama dua minggu itu antara lain bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan Muslimin dan Muslimah yang menyertai bengkel berkenaan terutama hal-hal yang berkaitan dengan bab fardu kifayah, iaitu tatacara menyempurnakan jenazah seperti penyediaan kain kafan dan cara-cara mengkafankan jenazah.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian wakaf dari Hamba Allah untuk kemudahan Masjid Tanah Jambu.



KETUA Kampung Mentiri dan Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu, Awang Haji Bujang (empat, kanan) bersama para peserta dan pemudah cara kursus semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

Halusi azan, iqamah



PARA pelapis bilal, ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid dan belia-belia masjid berpeluang menghalusi azan dan iqamah semasa Bengkel Menghalusi Azan dan Iqamah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Isnin, 14 Mac. - Para pelapis bilal, ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid dan belia-belia masjid berpeluang menghalusi azan dan iqamah mereka semasa berlangsungnya Bengkel Menghalusi Azan dan Iqamah Bagi Pelapis-Pelapis Bilal, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Belia-Belia Masjid di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar di sini.

Bengkel dimudah cara oleh para Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah

Temburong dengan memberikan penjelasan secara mendalam tentang syarat sah azan dan iqamah, perkara-perkara makruh dan haram ketika azan, doa selepas azan dan iqamah.

Juga dijelaskan semasa bengkel tersebut ialah perkara sunat semasa azan, perkara sunat bagi orang yang mendengar azan, sunat azan selain hendak solat dan sebagainya.

Dianjurkan buat julung-julung kalinya oleh Masjid Utama Mohammad Salleh dengan

kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong bengkel antara lain bertujuan untuk mencari pelapis-pelapis bilal yang berpotensi untuk diketengahkan dan melapis bilal-bilal apabila diperlukan.

Selain menghalusi dan memperbetulkan azan dan iqamah bengkel juga merupakan platform untuk mencari wakil daerah ini untuk diserapkan dalam pertandingan peringkat kebangsaan serta menjadikan masjid sebagai sumber ilmu.



KETUA Kampung Mentiri dan Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu, Awang Haji Bujang bin Sabtu (kanan) menyampaikan sijil Kursus Fardu Kifayah Pengurusan Jenazah bagi Muslimah penduduk Kampung Tanah Jambu.

Program RRP sebar luas maklumat semasa



PENOLONG Pengarah Imigresen, Cawangan Imigresen Kuala Belait, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Sudin (lima, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan bagi Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Lumut.

Pelajar cemerlang MSPSBS menerima penghargaan

MUARA, Rabu, 9 Mac. - Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Pencapaian Akademik Cemerlang Bagi Tahun 2015 yang berlangsung di dewan sekolah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pengarah / Ketua Unit Kaunseling dan Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan diteruskan dengan lagu kebangsaan dan lagu sekolah.

Terdahulu, Pemangku Pengetua, Dayang Hajah Hashimahwati binti Haji Muhammad dalam ucapannya berkata, seramai 63 pelajar menerima hadiah dan sijil cemerlang manakala seramai 47 pelajar mencapai pangkat 6 A ke atas bagi Peperiksaan BCGCE Peringkat 'O' dan 13 pelajar mencapai pangkat 3 A ke atas bagi Peringkat 'A'.

Beliau menjelaskan, seorang pelajar dianugerahkan pencapaian terbaik iaitu Dayang Nurul Izzati binti Awang

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Shuani memperolehi pangkat 5 A* dan 5 A dengan sejumlah keseluruhan 10 'O' Level manakala Awang Mahmoud Adam bin Osman mencapai pangkat 3 A* dan 1 A (Peringkat AS) dan seorang lagi pelajar perempuan Ti Li Lin memperolehi pangkat 2 A* 2 A dan 1 C (Peringkat AS).

Menurut Dayang Hajah Hashimahwati, terdapat peningkatan pencapaian yang signifikan maktab berkenaan dari segi kualiti.

Mata pelajaran yang meningkat dari segi peratus Gred 'A' dalam Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' tambahannya ialah Accounting, Biology, Business Studies, Chemistry, Mathematics, Physics dan Literature in English.

Jelasnya, pihak sekolah telah menawarkan balik mata pelajaran 'Further Mathematics' yang ditawarkan pada tahun 2006 kerana mata pelajaran tersebut mencapai keputusan sangat menggalakkan.

Beliau menjelaskan, bagi pelajar

yang ingin mendapat biasiswa luar negeri perlu meningkat *tariff point*, iaitu 300 bagi sesi akademik 2016 / 2017. Oleh itu, pelajar-pelajar hendaklah berusaha untuk mencapai lebih baik daripada 300 *points* bagi tahun akan datang.

"Pada tahun ini pula, program-program yang dijalankan ialah program *injection program* dan *contact time* bersama pihak pentadbiran dan kaunselor. *Injection program* ini dikhususkan bagi pelajar Tahun 7 dan 8. Program ini melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu, English, Mathematics dan Sains," ujarnya.

Manakala program *contact time* menurut beliau, adalah dikhaskan untuk pelajar-pelajar yang kurang mencapai markah yang baik. Program ini akan memberikan motivasi dan *tips-tips* pembelajaran yang berkesan dan seterusnya pencapaian akademik mereka akan di pantau dari semasake semasa.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada pelajar-pelajar cemerlang 2015 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

LUMUT, Selasa, 8 Mac. - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama pelajar sekolah dalam menyebarkan maklumat semasa.

Objektif program tersebut ialah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa; menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja, serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Program RRP yang dilaratkan ke daerah-daerah kali ini diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Lumut di sini.

Program anjuran Jabatan Penerangan Cawangan Penerangan Daerah Belait itu juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, dan dalam masa yang sama, ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinpin.

Penolong Pengarah Imigresen, Cawangan Imigresen Kuala Belait, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Sudin

hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Dayang Helizawati binti Haji Kepli.

Acara dimulakan dengan nyanyian ramai Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara'. Acara diberkati dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua Sekolah.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Acara berkenaan dimeriahkan lagi dengan tayangan video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan persembahan 'Choral Reading' (bahasa Inggeris dan bahasa Melayu), Penyampaian Sajak dan Persembahan Pentas Drama yang bertajuk 'Negaraku Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh penuntut-penuntut sekolah tersebut telah berjaya mengimbau perjuangan silam rakyat yang berjuang mempertahankan kedaulatan negara.

Seramai 300 penuntut dari Tahun 7, 9 dan 10 yang hadir juga dihiburkan dengan lawak jenaka dan kuiz yang disampaikan oleh pelawak-pelawak undangan tanah air yang membangkitkan lagi semangat rakan-rakan remaja penerangan.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada lima penuntut yang berjaya menjawab kuiz berkenaan.



PENOLONG Pengarah / Ketua Unit Kaunseling dan Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor (kiri) menyampaikan hadiah dan sijil kepada seorang pelajar yang diraikan.

Jerayawara suntik semangat perpaduan ASEAN

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Jerayawara Kenali ASEAN antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah.

Aktiviti berkenaan selaras dengan peranan golongan belia yang akan menjadi pemangkin hala tuju negara dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis.

Jerayawara yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil ASEAN bagi Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI) diteruskan di Sekolah St. Andrew, Bandar Seri Begawan di sini.

Selain itu, jerayawara itu adalah juga untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar-pelajar sekolah mengenai ASEAN, juga untuk

mengenal pasti sejauh mana para pelajar mengetahui mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti' (One Vision, One Identity, One Community).

Taklimat juga mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau. Pengetahuan ini wajar diketahui oleh para penuntut bagi meningkatkan kesedaran tentang perkembangan negara di mata serantau serta menjadi pencetus semangat bagi mereka agar lebih gigih untuk memajukan tanah air agar Wawasan 2035 dapat direalisasikan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua Sekolah St. Andrew, Jane Keasberry.

Turut hadir ialah Timbalan Pengetua Sekolah St. Andrew, Chong Ah Fok; pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, guru-guru dan seramai hampir 600 penuntut Tahun 7 hingga 11 di sekolah berkenaan.

Taklimat mengenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Kuiz Kenali ASEAN juga diselenggarakan sejurus selesai taklimat ASEAN yang disampaikan oleh Pelajar Penempatan (*attachment*) dari Kolej Cosmopolitan, Awang Md. Nazir bin Md. Yusri dan Pelajar Penempatan (*attachment*) dari Universiti Brunei Darussalam, Dk. Nurazyati binti Pg. Haji Mulek.

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab kuiz tersebut, diteruskan lagi dengan penyampaian cenderahati kepada Jane Keasberry.

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan



PENGETUA Sekolah St. Andrew, Jane Keasberry (kanan) menyampaikan hadiah kepada seorang penuntut sekolah tersebut yang berjaya menjawab Kuiz Kenali ASEAN.

hubungan di antara Jabatan khususnya penuntut-penuntut di Penerangan dengan masyarakat Negara Brunei Darussalam.



سرولك سري

مجلس مشاورت نكارا موسيم ك- ۱۲

تقسيم:

دان سسگوهن كامى قسقي اكن مغوجي كامو دغن سديكة فراسان تاكوت دان كلاهران دان ككورهن هرت پندا دان جيرا دان پواه ۲۰۱۶ هرتان كامى هتدي ملهه مهاد كامو صبر اتو تيدي اتس اوجين ايت. دان سسگوهن برقا كميروا كقد اورخ ۲ يغ صبر. يايه اورخ ۲ يغ اهيل ديمقا اوله سسوات مصيه مريك بركات انا يلا وانا وانا وانا (سسگوهن كامى ادا له كقوهان الله دان كقدان جواله كامى كميروا. مريك ايتوله اورخ ۲ يغ منداده كامقون درقد توهن مريك دان منداده رحمت دان مريك ايتوله اورخ ۲ يغ منداده حيايه.

سبرن جك دليهه دري سودوت قوسيتيف، اوجين يقدهادي ماس كيني جوك تله مندوروخ كيت اتوق منجادي اورخ ۲ يغ كيكه برأوسها دان برديكاري، منديديق كيت منجادي اورخ ۲ يغ بروسقاد، كريتيف، سياف سياف دان برحيمه.

جوبا كيت لميس كميروا قيصه يغ قرنه برلاكو قد زمان نبي يوسف، دمان نكارا ترسبوت تله مفهادي كريسيس ليكونومي يغ امة منجابر برقوفا دري كماراو يغ برقنقن هتق منجسكن تانم مريك سلاما برتاهون ۲ لامان. نامون اتس نصيحه دان كيكسكنان نبي يوسف عليه السلام، اخيرن قندودوق نكارا ايت برجاي مفهاري كسوكارن ترسبوت. قيصه ترسبوت اد دسبوتكن دالم سورة يوسف آيه ۴۷-۴۸:

تقسيم:

نبي يوسف بركات: هتدله كامو برجوجوق تام سقرت ياس سلاما توجه تاهون برتوروت ۲، كمين اف يغ كامو توي ياركتله اي قد تفكي ۵۲ (سقاي اي تيدي جقة روسق) كميروا سديكيت اتوق كامو مكن. كمين اكن داتق مسوده ايت توجه تاهون موسيم كماراو يغ دهشة يغ اكن مفهاسكن بكان مكن يغ كامو سديكيت اتوق مفهاسكن كميروا سديكيت درقد اف يغ كامو سيمقن (اتوق دهاديكن بيه).

دري قيصه ترسبوت كيت داتق ليهت لكة ۲ قرسديان يغ دلاكوكن دالم مفهادي ماس ۲ سوسه يايه دغن ميووات فرقنقن يغ ترأوتور، برحيمه جرمه دان تروس برأوسها. اينله قفاجارن دري القرعان يغ واجر كيت تلادني دان اميل اعتبار خصوص دالم كيت مفهادي سيتواسي ماس كيني.

مسلمين يغ درحمي الله،

دالم قرسيدغن مجلس مشاورت نكارا بارو ۲ اين، دانتارا قركارا يغ توروت دتكنن لاله اكر رعية دان قندودوق نكارا اين تيدي مليهه قيهي كراجان سباكي ساتو ۵۲ هتق بركتنوخ دالم قفاجارن ليكونومي سرت دالم قمرين فكريجان. اوله ايت، مشاركة هتدله مياهوت سروان ترسبوت دغن له برديكاري دان له كيكه برأوسها دالم منجاري سومر قنداقن، انتاران ملاوي بيدغ قريگان. بيدغ ترسبوت دليهه برقوتيسي دان محو اتوق منجان فركمين ليكونومي رعية دنكارا اين. اين جوك يغ دحسرتكن اوله كياه دولي يمشها مليا قاذك سري بكندا سلطان دان يقدفرتوان نكارا بروني دارالسلام سقنا مجلس قميروان رسمي مشاورت قرتام دري موسيم فرمشوارتن كلوا بلس قد تاهون اين يغ منجسكن بتاف كراجان تله مقميل لكة ۲ كونكرت اتوق ميمتو مبرايكي فرسكيران قريگان. اين ترماسوق اينفرسروكتور (Infrastruktur) قراونداغن يغ pro-business. سلاين ايت بكندا جوك برهاتر دغن ادا قوسه قراوسهان كميل دان سدرهان، ملك داتقله قراوسهان ۲ هتق يغ برسكلا (Borokala) كميل دان سدرهان اتوق بركميخ ماجو سهيك كقريكة انتارايها.

مليهه كقد بايقن قلاوخ دان كمودهن يغ تله دسديان، ملك سوده سواجرن كيت مروت دان منجسكن دغن سبايك موخكين. برناك ادا له فكريجان يغ مليا اتوق مندافتكن سومر رزقي يغ بايك دان حلال. سلاين ايت، برناك جوك مروفاكن سنه نبي. اوله ايت مشاركة هتدله مقوبه ميندا سقاي تيدي هان بركتنوخ كقد سيكتور عوام خصوص دالم مات قنجانين.

اينله قلاوخ اتوق كيت منجسكن قوتيسي ديري دغن مياهوت سروان كراجان دالم مقميقن ليكونومي. بهكن دغن بركمين قفلاكين اكنيقي قرايكونومي دنكارا اين اكن داتق منجان سومر قنداقن نكارا دري تروس بركتنوخ كقد سومر اصلي سمات ۲.

اخيرن، ماريله كيت سام ۲ تروس ميوكوخ، مندوكوخ دان ملقسناكن حسرة دان اسقيراسي نكارا دغن قنوه التزام دان كمران دالم منجسكن كستايين دان كامان نكارا. كيت بردعاء سموك الله سبحانه وتعالى اكن تروس مقورنياكن نعمة دان رحمة كقد كيت سموا. آمين يا رب العالمين.

{ سورة الأعراف آية: ۹۶ }

تقسيم:

دان كالكوله قندودوق سسواه نكري ايت برلمان دان برتقوي تتوله كامى اكن مليههه كقد مريك بركة دري لاهيت دان بومي هتاي مريك مندوستاكن (رسول ۲ كامى) لالو كامى منجسكن مريك (دغن حذاب) دسبكن اف يغ مريك تله اوسهاكن.

واهي قوم مسلمين يغ درحمي الله،

ماريله كيت منجسكن كلمان دان كقوان كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن قنوه كيقنن دان كاخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهن، دان منجسكن سكل لاراغن. منجسكن كيت منجادي انسان يغ برلمان دان برتقوي سرت سلامة دنيا دان سلامة دآخرة.

سباكيان دملومي بهوا دنكارا كيت قد ماس اين ماسيه برلشوخ قرسيدغن مشاورت قرتام دري موسيم فرمشوارتن كلوا بلس، مجلس مشاورت نكارا ۲۰۱۶. اين برارتي سوده ۱۲ تاهون قرسيدغن اين برلشوخ يغ مروفاكن ساتو قنقوم (PLATFORM) ميمجسكن قفلاكي قركارا يغ بايق محو كوسكن كاره كماجوان نكارا، ترماسوقله سيسي ميمجسكن قراوتوقن بلنجان نكارا باكي تاهون كاواغن ۲۰۱۶/ ۲۰۱۷.

كيت برشكور كحضرة الله سبحانه وتعالى يغ مها قمره، كران كراجان كياه دولي يمشها مليا قاذك سري بكندا سلطان دان يقدفرتوان نكارا بروني دارالسلام ماسيه داتق مديان قراوتوقن بلنجان اتوق كميروان، قفاجارن دان كماجوان رعية دان قندودوق نكارا اين. والوقون كادان ليكونومي قد ماس اين سديكيت سباي منجسكن حاصل قنداقن كراجان دان نكارا، نامون كيت ماسيه داتق منجماتي كامان، كمموران، كتنوان دان كسجهران هيدوف. كيت بردعاء سموك نعمة ترسبوت اكن داتق برتروسن دنجماتي اوله جنراسي ۲ يغ اكن داتق.

برشكور ادا له صقة اورخ برلمان، دان منجسكن كسكوران ايت هتدله توروت دسرتكن دغن كطاعتن كقد الله سبحانه وتعالى. منجسكن دغن عمان برشكور كيت اكن داتق تروس منجماتي لمقن كريا دري الله سبحانه وتعالى. اينله جنجي الله سبحانه وتعالى سباكيان فرمانن دالم سورة ابراهيم آيه ۷:

تقسيم:

دان ليهتله كيك توهن كامو ميمتاهو دغن سلسل ۵۲: دمي سسگوهن جك كامو برشكور ترهادف سكل نعتكو تتو اكو اكن منمبه نعمة ايت كقد كامو دان دمي سسگوهن جك كامو كقور ترهادف نعمة ايت مك سسگوهن عذابكو ساحة كرس.

مسلمين يغ درحمي الله،

كيت سديا معلوم كحاتوهن هرك ميق كلويل يغ مرونوم سهيك له 70% بتر ۲ تله منجسكن حاصل قنداقن كسما نكارا قفلوار ميق ترماسوقله نكارا كيت. اينله اوجين دري الله سبحانه وتعالى. كتهيله بهوا اوجين يغ بروقا كسورن دان كسوسهن ادا له كران الله سبحانه وتعالى كاسيه كقد هميا ۲ اكر مريك تيدي لائي دان ليكا، دان سروسن اكن داتق مندوروخ مريك اتوق تروس ليهه كقد الله سبحانه وتعالى، رضا دغن كتنوان، برسر دان موهن هان كقدان. يقيله بهوا ستيف كسوسهن ايت اكن براخير دغن كسفن سقرمان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الانشراح آيه ۵-۶:

تقسيم:

ملك سسگوهن برسام كسوسهن اد كسفن. سسگوهن برسام كسوسهن اد كسفن.

جلسله آيه ترسبوت ميمكن كمارن كقد اومة اسلام بهوا تيدي سلامان كسوسهن ايت اكن منجادي كسوسهن، قسقي اكن داخيري دغن كسفن. كتهيله بهوا الله سبحانه وتعالى تتف ميمكن اومة اسلام حالن كلوار درقد كسوسهن دغن شرط كميروا كقد جارا هيدوف يغ سبر يايه دغن منجسكن كقوان كقد الله سبحانه وتعالى.

فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الطلاق آيه ۲-۳:

تقسيم:

... دان سسيف يغ برتقوي كقد الله نسجاي الله اكن مودهن باكين حالن كلوار دالم اوروستن. دان دي مقورنياكن رزقي دري اوه يغ تيدي ترلپتس دقيكرانن. دان سسيف يغ برتوكل كقد الله ملك جوكوله الله ايت باكين. سسگوهن الله ملقسناكن اوروستن. الله تله متقن كتنوان باكي تيف ۲ سسوات.

قرلو دسدري بهوا اوجين كسوران دان كقايهن ترسبوت مقندوغي قفلاكي حكمة. اف يغ قنقن اوجين ايت دهادي دغن صبر. سسگوهن الله سبحانه وتعالى تله منجسكن كقد مريك كنجارن قفلا يغ برليقة كندا، اكن دكاسيهي اولهن، منداده ققمقون، رحمة دان قنقنق دري الله سبحانه وتعالى. بوككه كنجارن ترسبوت مروفاكن نعمة دان رحمة دري الله كقد هميا ۲ يغ دكاسيهي؟ الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة البقرة آيه ۱۰۵-۱۰۷:

Lebih 50 peratus jalan raya *above average*

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Mac. - Menurut data 'International Roughness Index', lebih 50 peratus jalan raya di Negara Brunei Darussalam diakui sebagai *above average* dan kurang daripada 50 peratus adalah dikategori sebagai *poor* dan memerlukan pembaikan.

Walau bagaimanapun, ini tidak bererti bahawa keadaan jalan-jalan raya di negara ini tidak dapat diterima berbanding jalan raya di tempat lain namun memang ada antaranya yang masih kurang memuaskan dan akan diperbaiki.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah menjelaskan demikian semasa menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai permukaan jalan raya di negara ini yang masih belum lagi mencapai standard dan kualiti antarabangsa pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah turut membangkitkan isu mengenai Jabatan Tanah di mana menurut 'Key Performance Indicator' (KPI) Pejabat Tanah seperti yang dinyatakan dalam jadual Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016 / 2017, sejauh ini masih belum berjaya untuk meluluskan permohonan-permohonan tanah dalam tempoh masa Tekad Pemedulian Orang

Ramai (TPOR) dan dari sasaran yang dinyatakan bagi Tahun Kewangan 2015 / 2016, perkara ini akan cuba ditangani dengan membuat sasaran iaitu 20 peratus jumlah permohonan tanah akan cuba diluluskan dalam tempoh TPOR.

Budaya agensi-agensi kerajaan menggunakan TPOR dalam memberikan perkhidmatan kepada orang awam telah dimulakan pada kira-kira akhir tahun 90-an dan dalam hubungan itu, Yang Berhormat Datin Paduka menyoal apakah masalah-masalah yang di hadapi oleh Jabatan Tanah dalam meluluskan permohonan-permohonan tanah sehingga masih belum berjaya mematuhi tempoh TPOR berkenaan.

Dalam mengulas isu berkenaan, Menteri Pembangunan berkata, pada masa ini, Kementerian Pembangunan telah memperkenalkan kaedah pendekatan pelan 90 hari dan isu-isu yang akan diperbaiki dikenal pasti dan dipantau proses pembaikannya sehingga selesai dan dengan perkongsian daripada ketua jabatan dan ketua bahagian, dijangka isu memenuhi TPOR ini mungkin ditangani dengan lebih baik lagi pada masa akan datang.

Berhubung dengan Projek Pembinaan Jambatan Temburong pula, Yang Berhormat Datin Paduka menyoal, apakah *spin off* atau penghasilan sampingan yang diberikan oleh projek mega tersebut kepada industri-industri pengeluaran bahan-bahan binaan tempatan, seperti industri simen dan industri konkrit tempatan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan ketika menjawab isu tersebut berkata, ada beberapa *spin off* dari Projek Jambatan Temburong ini terutama sekali dari segi bekalan bahan binaan yang terdapat di negara ini.

Umpamanya, jelas Yang Berhormat Dato Paduka, seperti simen yang menggunakan bekalan tempatan malahan tidak mencukupi dan *spin off* yang lain daripada *sub-contract* yang turut serta dalam projek ini kebanyakannya adalah *sub-contract* tempatan.

Dalam pada itu juga tambahnya, sebanyak tujuh *sub-contractors* tempatan dan pembekal bahan utama juga terbabit termasuk 20 pekerja tempatan dan kontraktor perkhidmatan perundingan.

"Kalau tidak silap saya 25 orang *local engineer* kitani yang bekerja bersama dengan *joint venture* ini dan sudah setentunya sudah siap nanti *economics spin off* akan lebih ketara lagi," ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

BRICS percepat pembangunan industri berteknologi tinggi

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said



MENTERI Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Dari muka 1

Terangnya, sebanyak empat syarikat dari Australia, China, Jepun dan Malaysia telah pun menjalankan projek penyelidikan mereka di negara ini. Sejak penubuhan BRICS tahun 2009, Projek Penyelidikan, BRICS telah menghasilkan 61 paten yang telah difailkan di dalam dan luar negara seperti Singapura, Malaysia dan Amerika Syarikat yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.

Tegasnya, pada masa ini sebanyak lapan *paten* telah diluluskan di Negara Brunei Darussalam, Singapura dan Amerika Syarikat.

Sebagai usaha untuk meningkatkan taraf profil di peringkat antarabangsa tambahnya, kerjasama



penyelidikan dan Memorandum of Understanding (MoU) bersama institusi bertaraf dunia dan syarikat antarabangsa yang ternama seperti Pixler, senjnik, IBM dan National Research Foundation of Korea telah dibuat dan ditandatangani.

Manakala dari segi penerbitan pula jelasnya, beberapa Projek BRICS telah berjaya menghasilkan sebanyak 170 penerbitan.

"Dari segi pembangunan kapasiti tenaga tempatan seramai 239 anak tempatan telah diberi latihan dan peluang pekerjaan dalam bidang sains dan teknologi secara berkontrak," ujar Yang Berhormat.

Selain itu tambahnya lagi, melalui Projek Penyelidikan BRICS ini seramai 21 anak tempatan telah diberikan tawaran untuk melanjutkan pengajian mereka di institusi-institusi pengajian tinggi dan tempatan.

Justeru itu terangnya, BRICS adalah satu organisasi yang sentiasa memantau tentang kejayaan projek penyelidikan di negara ini.

Skim Perumahan Negara dinilai semula

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Mac. - Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan ketika ini sedang menjalankan penilaian atau *review* secara menyeluruh mengenai dengan Skim Perumahan Negara termasuk juga mengenai reka bentuk perumahan dan kualiti pembinaan bagi rumah-rumah yang akan datang.

Penilaian ini akan melibatkan berbagai-bagai pihak dari agensi-agensi kerajaan dan orang ramai serta sektor bukan kerajaan dan pada masa yang sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan 'Housing Focus Group'.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah semasa mengulas isu rancangan perumahan negara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid pada

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis berkata, pelbagai perubahan telah dapat dilihat dari segi penyediaan bentuk perumahan umpamanya *cluster housing* dan *vertical housing*.

"Ini bukan saja difikirkan, tapi dilaksanakan. Secara terus-menerus akan diambil kira dalam memastikan bahawa cita rasa penerima-penerima rumah akan diambil kira dan seperti yang kaola maksudkan tadi 'Housing Focus Group' juga akan memasukkan perkara ini sebagai salah satu perkara yang dipertimbangkan," jelas Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai segi jumlah perumahan yang dilaksanakan, iaitu perancangan khusus untuk pencapaian seperti yang disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, di mana pemohon dapat memiliki rumah dalam jangka tidak melebihi lima tahun menjelang tahun 2021 bagi setiap daerah, iaitu di Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Daerah Belait, matlamat ini sudah tercapai tapi yang belum tercapai ialah di Daerah Brunei dan Muara, jelas Yang Berhormat.

"Tempoh menunggu lebih kurang 12 tahun. Isu yang perlu diambil kira ialah kesesuaian kaedah sekarang dari segi pelaksanaan Skim Perumahan Negara ini. Sama ada kita akan terus-menerus dengan cara kita sekarang ini dan menghadapi isu *sustainability* ataupun kita fikirkan semula cara yang lebih *sustainable*, umpamanya mengukuhkan syarat-syarat untuk penerima rumah-rumah ini terutama sekali dengan menekankan kepada mereka yang benar-benar berkeperluan.

Menyentuh mengenai perancangan perumahan negara dan estet-estet yang ada dan dalam rancangan, sama ada diambil kira untuk mencapai hasrat kerajaan, bukan saja untuk membangun rumah bahkan juga untuk membangun komuniti serta untuk memperbaiki sosial dan *environmental outcomes* dan

sebagainya seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan kementeriaannya telah memikirkannya dengan membuat rujukan negara-negara lain, terutama sebuah negara jiran yang selalu dijadikan sebagai rujukan (mengenai dengan hal ini) dan menjadi *benchmark* negara ini mengenai dengan keberkesanan pelaksanaan Skim Perumahan mereka.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, kementeriaannya juga memikirkan perkara *social engineering* bagi tujuan keharmonian masyarakat dan bagi tujuan pengukuhan institusi keluarga dan sebagainya.

Perkara ini perlu diambil kira sebelum lebih diperkemaskan lagi pada masa-masa akan datang bagi tujuan memastikan keharmonian kejiranan dalam Skim Perumahan, jelas Yang Berhormat.

Disebabkan itulah kita melarang dari pagar-pagar untuk dibina di sekeliling rumah. Apa yang kita lihat ialah ada masalah-masalah lain yang timbul akibat kita tidak membenarkan ini, jelas Yang Berhormat.

Umpamanya ada pemilik-pemilik rumah mengatakan isu keselamatan

tidak ditangani dan kadang-kadang pencemaran dari segi binatang-binatang yang memasuki kawasan-kawasan rumah," ujarnya.

Menurut Yang Berhormat, kalau dilihat di tempat-tempat lain yang bukannya Skim Perumahan Kerajaan, kebanyakan rumah telah memasang pagar-pagar dan mungkin inilah antara perkara-perkara yang perlu juga diambil kira dalam *social engineering* ini.



YANG Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

BND 234,779,890 diperuntukkan bagi Kementerian Pembangunan



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Mac. - Peruntukan sejumlah BND 234,779,890 telah disokong untuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017, iaitu merupakan penurunan hampir 21 peratus dari peruntukan yang diluluskan bagi Tahun Kewangan 2015 / 2016.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah berkata, peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Pembangunan adalah bagi gaji kakitangan secara keseluruhannya disediakan sebanyak BND 104,353,700; Perbelanjaan Berulang-ulang diperuntukkan sebanyak BND 116,224,050 dan Perbelanjaan Khas diperuntukkan sebanyak BND 14,202,140.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan perkara tersebut ketika mengongsikan mukadimah mengenai Rang Belanjawan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang

Laporan : Aimi Sani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

bersidang pada hari kelapan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, peruntukan yang diluluskan adalah bagi melaksanakan enam projek atau pembelian baharu berjumlah BND 1,520,000 termasuk dua projek dan harga rancangan BND 1.5 juta serta bagi melaksanakan 12 projek pengambilan semula berjumlah BND 12,682,140 termasuk lapan projek dan harga rancangan BND 17,100,000 yang dibutirkan dalam Rang Belanjawan Kementerian Pembangunan.

Sesuai dengan tema Belanjawan Tahun Kewangan 2016 / 2017, iaitu 'Mengukuhkan Iklim Perekonomian bagi Mendukung Pembangunan Berterusan', Kementerian Pembangunan dalam melaksanakan tanggungjawabnya secara amnya tambah Yang Berhormat, akan memberikan penekanan pada beberapa perkara, iaitu Kemesraan Pelanggan terhadap komuniti bisnes dan orang ramai (*business citizen friendliness*); Penjanaaan dan pengukuhan hasil kewangan dari aktiviti-aktiviti (program-program dan projek-projek yang dikendalikan);

Pembaikan pengurusan *cash flow* atau aliran tunai termasuk keberkesanan pengutipan hasil dan penyelesaian isu-isu tunggakan.

Penekanan juga diberikan perhatian terhadap peningkatan efisiensi dalam pengurusan kos sama ada berupa kos organisasi mahupun kos projek-projek yang dikendalikan dengan pengutamaan aktiviti-aktiviti yang terpenting serta skop kerja yang benar-benar perlu, termasuk penekanan *cost effectiveness* melalui *organisational streamlining and consolidation* dan

pengendalian program-program dan projek-projek dengan penekanan kepada *value for money*; Pengenal kaedah-kaedah PPP (*Private Public Partnership*) dalam pelaksanaan projek-projek yang bersesuaian dan *bankable* dengan melibatkan kepakaran-kepakaran pelaburan dan kewangan dari luar Kementerian Pembangunan yang berkepentingan selain pertimbangan kesesuaian bagi pengkorporatan dan penswastan mana-mana perkhidmatan yang berpotensi *dicorporated* atau *privatised*.

Sementara *deliverables* atau penyampaian perkhidmatan yang menjadi fokus dan keutamaan Kementerian Pembangunan, secara khususnya jelas Yang Berhormat ialah seperti Rancangan Perumahan Negara (RPN) yang berdaya tahan (*sustainable*) bagi manfaat golongan sasaran yang berkecukupan dan memerlukan, di samping perancangan dan penggunaan tanah yang optimum dengan fokus terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi negara selain proses permohonan-permohonan orang ramai yang lebih efisien serta projek-projek kerajaan seperti pembinaan RPN dan kemudahan awam yang mula dibiayai melalui PPP.

Fokus lain yang juga menjadi keutamaan kementerian berkenaan termasuklah jumlah pegawai-pegawai *competent* dan profesional yang meningkat melalui pengurusan sumber tenaga yang terarah dan kapasiti pengurusan kontrak perundangan dan penguatkuasaan yang lebih mantap.

Menyentuh mengenai RPN, sehingga kini, jelas Yang Berhormat lebih 24 ribu buah rumah telah dianugerahkan kepada penerima

yang berkecukupan di seluruh negara yang mana cabaran utama RPN ini ialah kedayahtahanan atau kerana kadar subsidi yang sangat tinggi.

Ketidakmampuan penerima membayar balik, terang Yang Berhormat, menjadikan tunggakan semakin meningkat dan sumber tanah yang terhad untuk meneruskan RPN secara berkepadatan rendah (*low density*).

Dari segi kelayakan dan keperluan katanya terdapat golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan perumahan, tetapi tidak menepati syarat kelayakan untuk mengikuti skim yang ada pada masa ini yang mana di sebaliknya, terdapat pula mereka yang berpendapatan lumayan dan sepatutnya mampu mendapat perumahan di pasaran terbuka, tetapi menikmati subsidi perumahan yang tinggi.

"Isu perumahan ini memang kompleks dan dalam hal ini, alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah memperkenalkan penubuhan satu *housing focus group* yang melibatkan beberapa kementerian dan jabatan untuk sama-sama menimbang isu-isu perumahan dan berkaitan dengannya yang terpenting secara holistik dan komprehensif dan membuat cadangan-cadangan tertentu bukan sahaja dengan menumpukan pada rancangan perumahan negara, tetapi secara lebih meluas lagi.

Berhubung dengan perancangan dan penggunaan tanah secara optimum dengan fokus terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi negara. Kajian Negara Brunei Darussalam 'Master Plan' 2006 sehingga 2025 mendapati tanah-tanah yang mudah untuk dimajukan atau *easy developable* di negara ini hanyalah 5.5 peratus atau lebih kurang 32 ribu hektar sahaja dari keluasan seluruh Negara Brunei



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Darussalam. Selebihnya ialah kawasan-kawasan yang memerlukan kos pemajuan yang lebih tinggi atau kawasan-kawasan yang terpelihara seperti kawasan tadahan untuk bekalan air, hutan simpan dan inisiatif Nadi Borneo atau 'Heart of Borneo', ujarnya.

Yang Berhormat menambah untuk mendukung kegiatan perekonomian, setakat ini seluas 1,533 hektar tanah-tanah untuk kegiatan industri telah diserahkan di bawah kawalan agensi-agensi kerajaan yang mempromosikan kegiatan industri. Manakala, 5,373 hektar lagi telah dikenal pasti untuk kegiatan industri bila mana diperlukan nanti. Keluasan ini tidaklah termasuk tanah-tanah persendirian bagi kegiatan yang bersyaratkan perniagaan atau perusahaan, dengan seluas 158 hektar tanah persendirian di negara ini adalah bersyaratkan perniagaan dan 1,266 hektar pula bersyaratkan perusahaan.

Program penghasilan udang galah berkualiti

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Jabatan Perikanan sedang dalam proses menubuhkan strategik *alliance* dengan sebuah syarikat yang menternak udang

galah terletak di Kampung Rampayoh Ulu Belait, iaitu Syarikat Usaha Tani Deli Duman demi memastikan bekalan benih udang galah yang berterusan tanpa bergantung pada pihak kerajaan dan sekali gus dapat membekalkan ke ladang-ladang udang galah yang memerlukannya nanti.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin mengenai penternakan udang galah.

Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari ketujuh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjelaskan Jabatan Perikanan mempunyai sebuah pusat penetasan di Kampung Meragang

yang masih beroperasi.

Tambahnya, objektif utama adalah untuk membekalkan baka induk udang yang berkualiti dan terjamin dari jangkitan penyakit yang spesifik dan mengatasi masalah kekurangan benih-benih ikan dan udang.

Jelasnya, Jabatan Perikanan mula melaksanakan program penghasilan benih ikan dan udang yang berdaya tahan dan berkualiti dengan melibatkan pihak swasta.

"Pada masa ini terdapat sebuah syarikat berkeupayaan menghasilkan benih Udang Rostries, iaitu Syarikat Semaun Marin Resources Sendirian Berhad dan sebuah syarikat menghasilkan benih ikan selungsung, iaitu Syarikat Adila Sendirian Berhad yang mampu memenuhi permintaan industri akuakultur di dalam negara. Terdapat dua buah syarikat lagi telah ditawarkan tapak untuk mengusahakan pusat penetasan bagi spesies ikan yang lain seperti Golden Pompano dan Kerapu," ujarnya lagi.

Penetasan Udang Galah pada masa ini menurutnya, telah ditempatkan di Pusat Penghasilan Induk Serasa dan di Pusat Akuakultur Air Tawar

yang bertanggungjawab dalam menghasilkan bekalan benih udang galah untuk membekalkan kepada pengusaha kolam di Daerah Temburong dan di Daerah Belait serta melaksanakan aktiviti pelepasan benih ke perairan Brunei.

Tambahnya, inisiatif serupa ini akan dilaratkan kepada pengusaha-pengusaha Daerah Temburong bagi melengkapkan pengusaha dalam pembinaan dan dalam mengoperasikan fasiliti penetasan udang galah di daerah masing-masing.

"Untuk makluman sehingga kini, lebih 500 ribu anak udang galah yang dihasilkan oleh Pusat Penghasilan Induk Serasa dan Pusat Akuakultur Serasa, Air Tawar Sungai Jambu yang telah dilepaskan di Sungai Temburong. Jabatan Perikanan akan meneruskan program pelepasan anak-anak udang ini bukan hanya di sungai Daerah Temburong, tetapi juga di sungai di Daerah Tutong dari semasa ke semasa," jelasnya lagi.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai pertanian, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata, kajian perlu dibuat oleh kementerian apakah kaedah terbaik bagi

memudahkan pengairan di kawasan padi, iaitu perkara yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ladang di Daerah Temburong.

Kawasan tanaman padi di Lekiu, Perdayan dan Negalang menurutnya, apabila dimajukan sepenuhnya akan menjadi kawasan ini bertambah, iaitu dari kira-kira 72 hektar yang aktif diusahakan pada masa ini kepada kira-kira 200 hektar.

Pertambahan kawasan ini ujarnya, akan memerlukan kawasan tadahan air hujan yang mencukupi bagi membekalkan pengairan kira-kira 200,000 meter padu sehari.

"Oleh itu, cadangan untuk membuat empangan di Sungai Lekiu memerlukan kajian dan penelitian terperinci kerana ia memerlukan kawasan tadahan air yang berkeluasan kira-kira 85 hektar. Tambahan pula kawasan tadahan ini akan melibatkan kawasan Hutan Simpan Batu Apoi dan juga melibatkan kawasan terkawal di bawah kawasan Nadi Borneo. Di samping itu, pembinaan empangan akan melibatkan isu sosial ekonomi dan alam sekitar di kawasan-kawasan berkenaan," jelasnya lagi.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kementerian Pendidikan menasihati para ibu bapa dan para pelajar yang memilih untuk mengikuti mana-mana Kelas Tuisyen yang tidak berdaftar, tetapi tetap juga meneruskan untuk tuisyen di tempat-tempat berkenaan, maka urusan itu adalah tanggungjawab mereka sendiri.

Sepatutnya mana-mana Kelas Tuisyen yang ingin melaksanakan Kelas Tuisyen semestinyalah berdaftar terlebih dahulu dengan Kementerian Pendidikan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang

Kelas Tuisyen perlu mendapatkan kebenaran

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman

Haji Suyoi bin Haji Osman bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai kes Kelas-kelas Tuisyen di negara ini semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ketujuh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat, Menurut Bab 75(1) Akta Pendidikan Penggal 210, mana-mana individu atau organisasi yang berhasrat untuk menjalankan Kelas Tuisyen adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan untuk mendapatkan kebenaran.

Dalam hal ini tegas Yang Berhormat, pihak kementeriannya akan memantau mana-mana sekolah-sekolah tuisyen yang telah berdaftar sama ada dari segi penggunaan premis dan guru-guru yang diambil bekerja, pogram atau kurikulum yang ditawarkan dan yuran yang dikenakan.

"Sebarang tambahan kepada program atau kurikulum atau kenaikan yuran, pemindahan tempat

ataupun premis, pengambilan guru baharu dan sebagainya perlu dipohonkan lebih dahulu sebelum melaksanakannya," tegas Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai soalan sama ada apakah peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan, Yang Berhormat menerangkan sememangnya Kementerian Pendidikan mengenakan peraturan dan syarat-syarat kepada pemilik Kelas Tuisyen seperti mendaftarkan sekolah tuisyen yang hendak dijalankan, mendaftarkan guru-guru sekolah berkenaan selain pemilik sekolah tersebut hendaklah terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam, mempunyai kelulusan

sijil / diploma dalam bidang berkaitan, iaitu pendidikan, pentadbiran dan perniagaan serta berpengalaman dalam pengurusan institusi pendidikan dan sekolah.

Tegas Yang Berhormat, jika pengusaha ataupun pemilik adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, maka mereka hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perdana Menteri.

Terang Yang Berhormat, kebenaran dari Kementerian Pendidikan juga tertakluk kepada kebenaran dari pihak berkuasa yang lain seperti Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Kemajuan, iaitu Jabatan Tanah, Jabatan Buruh, Jabatan Lembaga Bandar, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu



Lintas Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Daerah dan Kementerian Kesihatan jika mereka menggunakan premis-premis itu.

"Mengenai tuisyen-tuisyen, yang diadakan di rumah-rumah. Kita tidak mengetahui yang tuisyen-tuisyen di rumah itu mungkin tidak berdaftar, tidaklah kita dapat memantau tuisyen-tuisyen yang sedemikian itu," ungkap Yang Berhormat.

Jumlah pengendali pakej haji, umrah ditambah

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama telah meluaskan agensi pengendali pakej haji dan umrah daripada dua kepada empat agensi bertujuan bagi memberikan peluang kepada jemaah membuat pilihan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berkata dalam masa yang sama dengan adanya tambahan sedemikian akan ada persaingan untuk mendapatkan pelanggan-pelanggannya dan berharap dengan tambahan ini akan mendorong kesemua agensi yang berkenaan itu bukan saja menawarkan harga yang berpatutan bahkan memberikan servis yang terbaik yang diharapkan oleh jemaah.

Demikian jelas Yang Berhormat semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai pengurangan tempoh sebulan naik haji pada kurang dari sebulan tanpa menjejaskan ibadat haji serta penambahan syarikat pengendali pakej haji dan umrah dari dua ke empat syarikat.

"Ada ura-ura orang-orang yang ingin menunaikannya dan hanya dapat cuti beberapa waktu atau tidak sampai dua minggu atau sebulan, supaya mereka juga dapat masuk dalam pakej tersebut. Hal ini boleh mereka uruskan asalkan memasuki dalam istilah termasuk orang-orang yang dalam kuota pada masa ini. Dalam pada itu, perkara ini juga harus diperiksa mengikut apa yang dilaksanakan oleh Jabatan Urusan Haji mengenai cara pelaksanaannya. Apakah ia akan mengurangkan kos? Pada akhirnya memang sedemikian," ujar Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari ketujuh di Dewan Persidangan MMN,

Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, urusan haji ditentukan oleh keadaan di tanah suci, Mekah dan Madinah, apa yang penting ialah usaha daripada agensi-agensi ini terutama sekali agensi yang baru menjadi *players*, iaitu pertama sekali mengenai tempoh naik haji dan kedua ialah meneroka harga yang lebih murah yang pernah dibuat empat atau lima tahun dahulu untuk naik haji, iaitu di bawah BND 10 ribu.

"Pada tahun lepas tidak ada harga BND 10 ribu itu. Kalau lima tahun ke hadapan mungkin BND 20 ke BND 30 ribu. Siapakah yang mampu dengan jumlah itu. Alasan kita ialah kita tidak dapat menguasai untuk menentukannya. Yang dapat kitani tentukan barang kali tambang yang turun naik, bergantung pada penempatan hotel di sana," ujar Yang Berhormat lagi.

Tambah Yang Berhormat, salah satu contohnya sahaja perundingan tahunan baru-baru ini mengenai haji, iaitu dua minggu lalu untuk harga di Masyai'r (Arafah dan Mina) di mana mereka menetapkan 8 ribu dan perunding-perunding dan pegawai-pegawai kitani berunding berjaya mendapatkan setakat 7 ribu riyal sahaja, mengenai hotel belum lagi diketahui dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga mengharapkan agar agensi pengendali pakej haji dan umrah sama ada yang sudah lama atau baru dilantik supaya menerokai cara-cara yang terbaik bagi membolehkan jemaah haji di negara ini menunaikan haji di bawah BND 10 ribu tanpa menjejaskan ibadat mereka seperti yang dilakukan oleh jemaah haji dari negara-negara jiran.

"Setakat yang kitani ketahui ialah jemaah sedemikian itu datang hampir tiba saat hari Arafah, iaitu kira-kira dalam seminggu ataupun beberapa hari, tiba hari Arafah dan mereka tinggal di luar dari kawasan yang memang mahal, iaitu hotel ataupun *apartment* ataupun



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

rumah-rumah persendirian dan mereka sempat juga diaturnak oleh agensi mereka untuk beribadat dengan mengikut ketentuan-ketentuan tertentu di Masjidil Haram dan sebagainya. Apabila waktu untuk hari Arafah mereka terus ke Arafah dan terus ke Mina," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, selepas itu barulah mereka masuk ke kawasan-kawasan yang dekat dengan Masjidil Haram termasuk hotel seperti Gufran tempat orang Brunei tinggal dan pada masa itu mengikut perkiraan dan mengikut maklumat yang diketahui hotel sudah dalam harga yang murah dan dalam beberapa hari mereka tinggal di Gufran menunaikan ibadat di Masjidil Haram mereka barulah berangkat ke Madinah yang hotelnya murah.

Yang Berhormat berharap pakej sedemikian ini akan diterokai oleh ejen-ejen kitani untuk menjamin supaya kos naik haji dapat dikawal sesuai dengan kemahuan dan keperluan jemaah.

"Pada masa ini, naik haji kitani adalah naik haji prima, tidak dapat dikatakan kitani tinggal di kawasan yang berdekatan Masjidil Haram dan Masjid Madinah. Pelayanan-pelayanan kitani pun keseluruhannya alhamdulillah, tapi bagaimana pula akan datang?" ujar Yang Berhormat.

Pembaikan prasarana sekolah mengikut keutamaan



PENUNTUT dari Sekolah Menengah Katok semasa menghadiri persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN.

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, Kementerian Pendidikan telah mengatur perancangan bagi memastikan prasarana kemudahan sekolah-sekolah di seluruh negara dalam keadaan yang teratur dan baik.

Kerja-kerja utama dalam memfokus kepada dua aspek, iaitu membaik pulih kerosakan dan penambahbaikan / menaik taraf.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan perkara itu pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari ketujuh di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, semasa menjawab soalan daripada Ahli

MMN, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai status enam buah sekolah rendah di kawasan Zon 4.

Dalam dua aspek ini kata Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan meneliti dari semasa ke semasa mana-mana yang perlu dibaiki segera dan mana-mana yang dapat ditangguhkan mengikut kemampuan Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun jelasnya, Kementerian Pendidikan secara berterusan akan melaksanakan kerja-kerja membaik pulih kerosakan pada setiap masa berdasarkan keupayaan peruntukan yang disediakan.

Tambahnya, langkah-langkah awal bagi mencegah mana-mana kerosakan boleh menjadi risiko keselamatan akan diambil kira dan kawasan-kawasan tersebut akan dibaiki secepat yang mungkin.

Projek Guru Pakar masih dalam penelitian



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Laporan : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, setakat ini belum ada tenaga pengajar yang didatangkan melalui Projek Guru Pakar.

Walaupun bagaimanapun, penelitian sedang dibuat untuk proses mendatangkan Ketua Sumber Tenaga Manusia, dua pakar Pembangunan Profesional dan 30 *coaches literacy* bahasa Inggeris dan 30 *coaches numeracy* dan sejumlah 200 graduan bahasa Inggeris dan numerasi tempatan.

Demikian dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ketujuh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, semasa menjawab soalan daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai keramaian guru pakar, tenaga pakar dan tenaga mahir yang telah didatangkan dan apakah tugas dan tanggungjawab mereka.

Yang Berhormat menjelaskan, skop kerja adalah merangkumi pengambilan Pakar Penasihat, Ketua Sumber Tenaga Manusia, Pakar Perkembangan Profesional (*coaches bagi literacy bahasa Inggeris dan numeracy*) dan termasuk guru-guru tempatan seramai 200 orang; Rumusan menyeluruh bagi pakar-pakar dan graduan-graduan tempatan yang diambil serta penempatan bertugas, gaji, tempat tinggal dan apa-apa keperluan logistik mengenainya masih dalam pengurusan; dan Kementerian Pendidikan juga menyediakan Program Perkembangan Profesional bagi graduan tempatan termasuk guru-guru *literacy* dan *numeracy* guru-guru tempatan diikuti dengan penyediaan program pemantauan



dan sokongan yang sistematik.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya menyentuh mengenai strategi pihak kementerian tersebut bagi pelaksanaan projek ini, di mana pihak kementerian telah mengenal pasti beberapa pegawai serta guru yang mendampingi pakar-pakar yang akan didatangkan bagi memastikan ia ada *knowledge transfer* dalam projek ini.

Bekalan makanan untuk pelajar terus dipantau



PERSIDANGAN Majlis Mesyuarat Negara turut dihadiri oleh mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Laporan : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, Kementerian Pendidikan telah pun mengkaji dan meneliti semula keberkesanan pemberian makanan dan minuman kepada pelajar-pelajar.

Hasil dari kajian tersebut, pada masa ini bekalan makanan dan minuman telah pun diubah dari makanan yang dimasak pada pelbagai buah-buahan, biskut, roti dan minuman kotak seperti Soya Bean, milo, strawberi, coklat dan jus.

Berucap demikian semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai pemberian makanan dan minuman dan cara mengelakkan pembaziran.

Terdahulu jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang bersidang pada hari ketujuh di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini bahawa sebahagian daripada anak murid tidak memakan makanan-makanan yang telah dibekalkan.

Di samping itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya berkata, bagi mengelakkan pembaziran pemantauan terhadap keberkesanan ke atas pemberian jenis makanan dan minuman yang baharu kepada para pelajar akan terus dilaksanakan, iaitu bagi memastikan makanan ini akan dimakan oleh pelajar-pelajar berkenaan.

Yang Berhormat menambah, dari segi kesihatan, senarai minuman ataupun buah-buahan yang diberikan mengikut senarai Kementerian Kesihatan yang bermula sejak 1 Januari 2016.

Katanya, adapun makanan dan minuman yang dijual di kantin sekolah juga berpandukan pada barang-barang yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Bincang keperluan penduduk kawasan Perumahan Meragang

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Mac. - Projek Pembinaan Paip Besar Melalui Jalan Pantai yang sedang dilaksanakan ketika ini dijangka dapat mengatasi masalah bekalan air di kawasan Perumahan Meragang yang baru-baru ini teruk terjejas.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah ketika mengulas persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim berkata, pembinaan paip besar itu yang dijangka siap penghujung tahun ini merupakan penyelesaian jangka panjang yang dapat mengurangkan masalah tersebut.

"Kawasan Perumahan Meragang merupakan terminal bagi *pipeline* negara ini dan sebarang masalah gangguan air yang dihadapi, inilah kawasan yang paling teruk terjejas oleh sebab ia kawasan yang hujung sekali."

Menyentuh mengenai masalah kesesakan jalan keluar Perpindahan Meragang, iaitu daripada Bukit Kabun, pemasangan lampu isyarat jalan raya bagi keselamatan pengguna di kawasan tersebut sedang dalam perancangan termasuk pemasangan pembesaran persimpangan di kawasan berkenaan.

Perkara-perkara lain yang turut

"PROJEK Pembinaan Paip Besar Melalui Jalan Pantai yang sedang dilaksanakan ketika ini dijangka dapat mengatasi masalah bekalan air di kawasan Perumahan Meragang."

dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Permesyuaratan di sebelah petang termasuklah usaha-usaha ke arah menangani pemprosesan segala penggunaan mengenai tanah, dasar perumahan negara, kepentingan kebersihan alam; penaiktarafan rumah-rumah dan kawasan perancangan perumahan negara (RPN) dan STKR; penaiktarafan jalan raya; kualiti perkhidmatan kontraktor dan Projek Pengawasan Persisiran Pantai.

Penjelasan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan dibahaskan di hari berikutnya.

Peruntukan KSSUP BND 57,184,550

Laporan : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari ketujuh telah meluluskan peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan jumlah sebanyak BND 57,184,550.

Di bawah Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016 / 2017 KSSUP, sejumlah BND 33,468,420 disediakan untuk Gaji Kakitangan; BND 17,259,330 untuk Belanja Tahunan Berulang-Ulang dan sebanyak BND 6,456,800 untuk Lain-Lain Bayaran Perbelanjaan Khas.

Lain-lain Bayaran Perbelanjaan Khas ini adalah bagi Projek Penanaman Padi yang mana akan melibatkan kerja-kerja membangunkan infrastruktur (parit dan pengairan) pada beberapa kawasan penanaman padi;

pembelian bahan input, jentera dan mesin bagi tujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran. Peruntukan ini juga digunakan untuk Skim Pembelian Semula Hasil Padi Tempatan.

Selain itu, peruntukan tersebut juga akan digunakan untuk Projek Pelancongan yang mana akan melibatkan projek-projek bagi meningkatkan dan memperkembangkan produk-produk pelancongan supaya akan lebih menarik dan unit kepada pelancongan dalam dan luar negara.

Di bawah Projek Pelancongan juga, peruntukan akan digunakan untuk projek-projek mempromosi dan pemasaran pelancongan dengan memfokuskan pada penggunaan teknologi info-komunikasi (ICT) seperti Mobile Apps, laman sesawang (*website*) dan lain-lain.

Selain itu, ia juga akan digunakan bagi menaik taraf Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer yang mana dengan terlaksananya projek ini nanti ia akan dapat memberikan tambah nilai kepada persekitaran Kampong Ayer, sebagai salah satu produk utama atau *primary product* pelancongan negara ini.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Seramai 4,161 pelajar berkeperluan khas telah didaftarkan dan sedang belajar di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi di negara ini.

Daripada jumlah tersebut seramai 169 orang telah menuntut di prasekolah dan seramai 2,935 orang di sekolah rendah manakala di sekolah menengah seramai 973 orang dan di pasca menengah seramai 84 orang.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal berkaitan dengan kanak-kanak berkeperluan khas pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini pada hari ketujuh.

Katanya, Unit Pendidikan Khas (UPK), ditubuhkan adalah untuk melaksanakan dasar pendidikan *inclusive* dengan fokus untuk memberikan pendidikan yang dikhususkan mengikut keperluan pelajar tersebut, iaitu Individual Educational Need.

UPK ini menurutnya, melibatkan

Pelajar berkeperluan khas terima pendidikan sama

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman

kerjasama rapat jawatankuasa empat pihak berkepentingan terdiri daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, iaitu Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pengajian Islam.

Justeru pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak UPK seperti program bantuan khusus khas yang berdasarkan Individual Educational Plan (IEP), program bantuan pembelajaran yakni pemulihan yang berdasarkan Remedial Educational Plan bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dan memerlukan pemulihan di sekolah-sekolah kerajaan selain program pravokasional menengah dan program pendidikan bagi pelajar cerdas, pintar dan berbakat (*Gifted Children*).

Dengan kerjasama rapat dari pihak-pihak yang berkepentingan ini terang Yang Berhormat, perkhidmatan bantuan juga disediakan bagi bagi pelajar-pelajarnya seperti Perkhidmatan psikologi pendidikan; Perkhidmatan terapi bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pertuturan dan percakapan; Perkhidmatan bantuan pelajar masalah penglihatan; dan Perkhidmatan *continuing education support* bagi pelajar-pelajar, pesakit-pesakit yang sedang menerima rawatan *long term* di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan sebagainya.

Bagi menjalankan program-program tersebut tambah Yang Berhormat, setentunya memerlukan pakar-pakar dan guru-guru yang berkemahiran di mana buat masa ini kementerianya mempunyai seramai 49 orang pakar dalam pelbagai bidang seperti psikologi pendidikan, autisme, dyslexia, *assistive technology*, *deaf education*, *speech therapy* dan pendidikan khas.

Dalam pada itu, terang Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan juga mempunyai seramai 145 orang guru Special Education Need

Assistant (SENA) dengan dibantu oleh Learning Support Teacher dan perancangan berterusan telah pun dirancang bagi menambah bilangan pakar dan guru khas dan juga bagi meningkatkan kemahiran pakar-pakar dan guru-guru yang berkemahiran dalam bentuk latihan jangka panjang dan pendek.

Mengenai kesesuaian kedua-dua unit, iaitu UPK dan CDC untuk

digabungkan, Yang Berhormat menjelaskan, buat pada masa ini belum ada pemikiran ke arah itu, kerana kerjasama yang ada sekarang berjalan dengan baiknya.

Walau bagaimanapun, seperti yang pernah dinyatakan Kementerian pendidikan tidak menolak kemungkinan kedua-dua unit UPK dan CDC akan meneliti peranan masing-masing dan bagaimana dapat meningkatkan lagi perkhidmatan dan pemeduliaan kepada kanak-kanak dan pelajar-pelajar berkeperluan khas yang menjadi tanggungjawab kita bersama, jelas Yang Berhormat.



Dakwah bukan hanya untuk orang bukan Islam

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Dakwah yang dilakukan terutama sekali oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI), tidak semata-mata ditujukan untuk orang-orang yang bukan Islam supaya masuk ugama Islam kerana ia juga kepada umum meliputi semua peringkat orang-orang Islam bahkan daripada murid-murid sekolah, penuntut-penuntut, belia sehingga kepada orang-orang dewasa melalui saluran-saluran yang dibuat oleh PDI.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyatakan perkara tersebut semasa menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengenai

penilaian sama ada dakwah terhadap orang-orang bukan Islam di negara ini menghadapi kesukaran atau sebaliknya.

Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari ketujuh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan pendaftaran saudara-saudara baharu yang memeluk agama Islam dalam masa 10 tahun kebelakangan adalah lebih kurang lima ribu orang.

PDI tambah Yang Berhormat, sedang mengikuti perkembangan perubahan-perubahan dalam cara-cara menyampaikan dakwah sesuai dengan perkembangan ICT, iaitu dengan adanya media sosial dan sebagainya.

"Yang penting ialah alhamdulillah, walaupun demikian ada pemotongan peruntukan bagi pegawai dan kakitangan, iaitu



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

pemotongan gaji, pembekuan dan sebagainya. Abis kaola di Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak menganggapnya sebagai mengurangkan usaha-usaha pendakwaan. Pemotongan itu dilakukan secara realistik. Pertamanya, pembekuan ke atas jawatan-jawatan yang sudah lama tidak diisikan. Perkara itu tidak akan melemahkan usaha-usaha dalam semua bidang bukan sahaja bidang dakwah dan sebagainya," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjawab persoalan mengenai kutipan zakat semakin bertambah dari segi zakat harta yang mana perancangan dilaksanakan dalam jangka masa yang pendek secara realistik yang memerlukan satu dasar hala tuju yang teratur, secara bersistem dan sebagainya serta memerlukan penelitian dan keahlian-keahlian yang tertentu.

"Undang-undang memang mewajibkan untuk orang ramai membayar zakat. Mana-mana yang wajib membayar zakat dan mewajibkan juga dikutip dan diurus. Setakat ini kita belumlah lagi berjaya untuk bergerak ke arah itu. Kita mengucapkan alhamdulillah kerana kesedaran orang awam juga. Inilah berkatnya kesan daripada dakwah dan kesan daripada pendidikan agama jua. Ramai orang yang tampil membayar zakatnya termasuklah syarikat-syarikat kecil seperti restoran dan catering tampil untuk membayar zakat ini kita alu-alukan," jelas Yang Berhormat.

Kursus IBTE di SVW menepati pasaran pekerjaan

Laporan : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Di peringkat teknikal dan vokasional Kampus Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Sekolah Vokasional Wasan (SVW) menawarkan program-program yang menjurus kepada tiga bidang Agrimakanan seperti Program Pertanian (*Agriculture*) yang merangkumi bidang perternakan; Program Perikanan dan Agro Culture, Fisheries and Agriculture; dan Program Pemprosesan Makanan (Food Processing). Program-program tersebut menawarkan dua peringkat pensijilan, iaitu National Technical Education Certificate (NTEC) dan Higher National Technical Certificate (HNTC) pada bulan Julai 2016.

Satu kursus baharu akan diperkenalkan, iaitu 'NTEC And Techno in Agro Technology'.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman

menjelaskan perkara itu bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin mengenai perkembangan kursus-kursus pertanian di SVW.

"Bagi memastikan program-program yang ditawarkan IBTE adalah bersesuaian, IBTE melaksanakan *future analysis* dalam menimbangkan rupa bentuk dan jenis program dengan mengambil kira enam faktor, iaitu nisbah filem pertama, nisbah pemohon, purata kadar diambil bekerja, kadar-kadar relevan dan keperluan industri," ujar Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ketujuh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, semua ini adalah untuk memastikan bahawa kursus-kursus yang

ditawarkan itu ada faedahnya bagi pelajar-pelajar dalam mendapatkan pekerjaan.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan mengenai isu pelajar yang mempunyai 5 'O' Level yang tidak dapat diterima masuk ke Institut Teknikal dan Vokasional, malah mereka ini dinasihatkan untuk terus ke Pusat Tingkatan Enam.

Jelasnya, pemohon-pemohon yang mempunyai 5 'O' Level ke atas boleh diterima masuk tertakluk dapat memenuhi syarat-syarat dikenakan yang antara lainnya mempunyai mata pelajaran yang relevan dan sebagainya.

Oleh sebab kekurangan tempat pengajian tambahanya, adalah menjadi salah satu sebab mengapa pengambilan perlu disekat dan mereka diarahkan atau pun disarankan untuk menyambung sahaja ke Tingkatan Enam.

Pada masa ini katanya, usaha dilaksanakan bagi menerima peningkatan kemasukan pelajar-pelajar, Kementerian Pendidikan akan menambah kapasiti kemasukan pelajar-pelajar Institut Teknikal dan

Vokasional ini bagi pelan menaik taraf Pendidikan Teknik Brunei Darussalam 2013 / 2018, IBTE mempunyai perancangan bagi pembinaan dua buah kampus mega yang boleh menampung kira-kira 4,000 pelajar bagi setiap kampus pada satu masa.

Jelasnya, mereka ini dapat diambil kemudiannya bila kita mendapat lebih banyak ruang tempat untuk mereka melanjutkan pelajaran.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan mengenai Kementerian Pendidikan adalah mengambil maklum kepentingan dalam membantu pelajar membuat pilihan hala tuju pendidikannya, iaitu sama ada mengikuti Program Pendidikan Menengah General 4 tahun ataupun Program Pendidikan Menengah General 5 tahun dan Program Pendidikan (Aflight Special Aflight V-Tec Programme).

Oleh yang demikian katanya, usaha berterusan giat dilaksanakan bagi memastikan bahawa pelaksanaannya akan lebih mantap dan memenuhi kehendak objektifnya.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Osman berkata, peraturan mengajar 30 period bukanlah satu perkara yang baharu di mana arahan tersebut telah pun diperkenalkan semenjak penghujung tahun 1997.

Katanya, melalui garis panduan bebanan mengajar dalam memorandum tersebut mengarahkan setiap guru untuk mengajar 28 waktu seminggu, iaitu bagi Lukisan sebanyak 30 waktu seminggu, Guru Bahasa seramai 100 pelajar bagi setiap guru dengan satu waktu 30 minit.

Dalam hubungan ini jelasnya, Kementerian Pendidikan seperti lazimnya dari semasa ke semasa akan mereview atau mengkaji keperluan guru-guru yang sedia ada yang bertujuan antara lainnya untuk memaksimumkan sumber tenaga manusia yang ada bagi membantu dalam proses pengagihan tenaga pengajar yang sama rata bagi setiap sekolah selain untuk membantu dalam perancangan Projeksi C (C Projection) keperluan guru bagi mengganti guru yang akan bersara dan sebagainya.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi menyatakan perkara tersebut sebagai jawapan di atas soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN),

Kementerian Pendidikan sentiasa kaji keperluan guru

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai dengan kajian 30 period seminggu pada Majlis Persidangan MMN di hari ketujuh yang diadakan, di sini.

"Dalam meneliti beban guru-guru, jika mereka diaturnya mengajar 30 period, Kementerian Pendidikan telah membuat perbandingan jumlah waktu guru mengajar bagi guru-guru di negara-negara jiran, seperti Singapura dan Malaysia. Di kedua-dua buah negara tersebut, jumlah waktu mengajar guru-gurunya ialah purata 17.1 jam seminggu, lebih 17 jam seminggu," terang Yang Berhormat.

Sementara di Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat jumlah waktu mengajar guru-guru kita adalah purata 10.7 jam seminggu.

Menurut Menteri Pendidikan lagi, berdasarkan statistik yang dikumpul bebanan mengajar di sekolah-sekolah rendah, setelah adanya penempatan berkenaan mendapati hanya 9.3 peratus guru mengajar melebihi 30 waktu seminggu berbanding 27.4 peratus sebelumnya, iaitu pengurangan sebanyak 18.1 peratus.

Tambahnya, begitu juga guru-guru yang mengajar kurang dari 30 waktu seminggu menunjukkan peningkatan. Iaitu kalau dahulunya seramai 38.5 peratus guru yang mengajar lebih daripada kurang 30 waktu, sekarang bertambah kepada 61.7 waktu guru yang mengajar kurang daripada 30 waktu seminggu.

"Di sekolah-sekolah menengah, peratus keseluruhan guru dalam 30 waktu seminggu adalah berkurangan juga daripada 19.9 peratus sebelumnya kepada 8.6 peratus, iaitu pengurangan sebanyak 11.3 peratus. Manakala guru-guru yang mengajar lebih daripada 30 waktu seminggu juga berkurangan, jika sebelumnya 12.1 peratus kini hanya 7.2 peratus guru-guru di sekolah menengah yang mengajar lebih daripada 30

waktu seminggu, iaitu pengurangan sebanyak 4.9 peratus," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan bahawa amalan yang berlaku di beberapa buah sekolah pada masa ini ialah guru yang mempunyai bebanan mengajar 30 waktu atau melebihi akan dikurangkan beban tugas bukan mengajar (*non teaching responsibilities*) mereka.

Pembahagian tugas bukan mengajar ini terangnya, diberikan kepada beberapa orang guru sebagai pendedahan kepada guru-guru berkenaan bagi mengenal pasti potensi dan kompetensi mereka dalam bidang-bidang perguruan dan kepimpinan sebagai persediaan

untuk melapis kepimpinan sekolah pada masa akan datang.

Pada sesi tersebut, Menteri Pendidikan turut menyatakan bahawa kementerannya dan Jabatan Sekolah-Sekolah mengamalkan sikap terbuka dalam isu 30 period tersebut dan menyarankan mana-mana guru yang merasa mereka dibebankan mengajar 30 period dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang lain maka mereka bolehlah berunding dengan pengetua atau guru besar masing-masing kerana ini adalah isu dalaman pentadbiran sekolah masing-masing.

Yang Berhormat yakin pihak sekolah ingin melihat semua guru dan kakitangannya senang dan gembira mengajar di sekolah tanpa dibebankan dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang mereka



fikirkan mereka tidak dapat melaksanakannya.

Dalam hal ini, Menteri Pendidikan mengingatkan jika masih ada guru-guru yang merasa dibebankan dengan lebih 30 period dan tidak dapat melaksanakannya dengan baik, perkara tersebut bolehlah dirundingkan dengan pengetua dan guru besar masing-masing untuk mencari penyelesaiannya.

Padi 'Titih' akan diperkenalkan tahun 2017

Laporan : Samle Haji Jait
Foto : Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan meneruskan strategi untuk menambahkan penanaman padi, bagaimanapun kaedahnya akan diubah dengan memperkenalkan *variety* yang mempunyai penghasilan tinggi.

"Pada masa ini, kitani mengusahakan padi jenis 'Laila' yang mengeluarkan hasil sebanyak 4 ke 5 ton padi per hektar," jelas Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Pada tahun 2017, kita akan memperkenalkan padi 'Titih' yang mempunyai *yield* sebanyak sekurang-kurangnya 8 ke 10 tan per hektar. Pada masa ini, Jabatan Pertanian sedang mengumpulkan benih-benihnya untuk dapat ditanam

mulai 2017.

"Sambil itu, kita juga sedang meneliti mungkin mendapat *variety* yang kecil yang lebih produktif lagi yang hasilnya meningkat kepada 12 tan per hektar. Ini mungkin akan dapat diperkenalkan dalam 2019," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjelaskan, semua jenis padi berkenaan hanya akan dapat ditanam di kawasan yang pengairannya mencukupi seperti di kawasan Daerah Brunei dan Muara, iaitu Wasan, Limau Manis dan Batong.

Di tempat-tempat lain seperti di Daerah Temburong dan di Daerah Belait juga di kawasan pengairannya belum lagi lengkap, namun juga akan dikenalkan *variety* yang lain dari padi tradisional seperti padi yang dipanggil Beras BDR5,



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

iaitu campuran 'Laila' dan padi tradisional. Ini akan dapat menghasilkan 5 tan per hektar.

Sementara itu, penanamannya mungkin akan dilaksanakan di Kampung Selapun yang mempunyai takungan air lebih efektif dan berkemungkinan *variety* padi dapat diperkenalkan di Daerah Belait.

KSSUP giat kembangkan produk pelancongan

Laporan : Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) memberi keutamaan untuk meningkatkan dan memperkembangkan produk pelancongan supaya akan lebih menarik dan unik kepada pelancong dalam dan luar negara.

Keutamaan akan diberikan kepada produk *primary* seperti Batang Duri dan Ulu Temburong, Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer.

"Selain meningkatkan dan memperkembangkan produk-produk tersebut, program promosi dan pemasaran juga akan digiatkan dengan memfokus penggunaan teknologi info-komunikasi seperti Mobile Apps, laman sesawang, dan sebagainya," jelas Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa menjawab persoalan dari Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat

Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin mengenai bajet promosi pelancongan.

Yang Berhormat menjelaskan, ada juga perbelanjaan lain yang khas sebanyak BND60,000 dan BND100,000, iaitu untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan kepada kerosakan-kerosakan yang terdapat di galeri seperti di Galeri Kebudayaan Kampong Ayer, di samping untuk mengemas kini pengumpulan dan penganalisan data berkaitan dengan pelancongan.

Menyentuh berkenaan dengan borang yang banyak diisi oleh pelancong-pelancong ataupun orang-orang yang tiba melalui jalan udara di Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat menjelaskan borang-borang berkenaan ada yang diterbitkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, pengisian

borang kesihatan telah diberhentikan dan dalam jangka panjang tidak akan dikehendaki untuk mengisi jika tidak ada keperluan dan jika tidak ada wabak penyakit yang berlaku di negara-negara jiran ataupun negara-negara dari mana mereka datang itu.

Ketika menjawab persoalan mengenai potensi destinasi pelancongan di negara ini, Yang Berhormat menjelaskan, memandangkan kementerian kapasitinya yang terhad dan kapasiti dari fiskal juga terhad, kementerian berkenaan akan menawarkan perkara berkenaan kepada pihak swasta melalui PPP untuk menilai sama ada Sungai Basong boleh diuruskan oleh pihak swasta sebagai destinasi pelancongan dengan menarik pelancong ke sana.

"Berbagai-bagai aktiviti dengan menawarkan beberapa kawasan untuk disewakan bagi tujuan komersial. Jika pun tidak dapat Sungai Basong diusahakan secara persendirian mungkin akan gabung dengan tempat-tempat lain, misalnya kombinasi Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan,

Bukit Ambok dan juga Kampung Petani Daerah Tutong dan juga kawasan pasar tamu. Kesemua ini kalau digabung akan ditawarkan kepada pelabur yang mungkin menarik minat mereka untuk mengurus, mengendalikan dan selanjutnya memeliharanya," jelas Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Bagaimanapun, Yang Berhormat menjelaskan, ia melibatkan berbagai-bagai agensi dan perundingan akan dibuat dengan kementerian ataupun jabatan untuk sama-sama melaksanakannya kerana ia akan memberikan keuntungan semua pihak, sektor swasta, kerajaan, orang ramai sama ada pelancong domestik ataupun pelancong dari luar negara.

Sementara itu, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan telah bekerjasama dalam *pilot scheme* menerbitkan RFP seperti tender bagi pihak swasta untuk mengurus, mengendalikan dan juga memelihara Berakas Forest Reserve.

"Contohnya, bila hal ini sudah dilakukan, Berakas Forest Reserve akan dikembangkan

sebagai destinasi pelancongan oleh pelabur atau pengusaha ini untuk menarik pelancong sama ada untuk berkelah, mengadakan *mountain biking*, aktiviti-aktiviti pantai ataupun berehat-rehat," jelas Yang Berhormat sambil menambah pengusaha berkenaan akan menyediakan tempat berniaga untuk disewa dan hasil sewaan itu digunakan untuk kerja-kerja pemeliharaan.

Jika berjaya, katanya perkara berkenaan akan dilaratkan ke tempat-tempat lain, seperti di kawasan Bukit Shahbandar, di pantai-pantai dan mungkin di Daerah Tutong seperti di Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan dan Pasar di Tutong, di samping di Bandar Seri Begawan seperti kawasan Taman Peranginan Tasik dan kawasan Tamu Selera.

Walau bagaimanapun, tempat-tempat berkenaan adalah kepunyaan pelbagai agensi. Kementerian akan berunding dengan kementerian yang sama-sama memajukan tempat-tempat berkenaan sebagai destinasi pelancongan secara PPP.

Pengambilan sumber hutan bakau dikawal



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Mengikut kajian pelan pengurusan yang dibuat oleh konsultan pada tahun 2015, mendapati bahawa kawasan hutan bakau di Negara Brunei Darussalam meliputi keluasan 18 ribu hektar.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai hutan bakau dan herba yang terkawal dan terpelihara. pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari ketujuh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menjelaskan cuma 16 ribu hektar adalah di bawah Jabatan Perhutanan, manakala selebihnya hutan tanah kerajaan.

Hutan bakau yang di bawah kawalan Jabatan Perhutanan menurutnya, terletak di dalam Hutan Simpan Pulau Selirong dan Hutan Simpan Labu yang mana Hutan Simpan Labu dikategorikan hutan pengeluaran, manakala Hutan Simpan Selirong sebagai hutan rekreasi.

Tambahnya, sebagai langkah untuk memastikan pertumbuhan dan pemeliharaan hutan bakau, jabatan akan mengambil langkah mengawal pengambilan sumber hutan bakau dengan memberikan lesen kepada lima pemegang permit.

Pengambilan sumber hutan bakau ini ujarnya, dipantau dan dikawal dengan teliti dan terarah bahawa setiap pemegang permit diberikan had kuota tahunan yang mana pembelian had kuota tahunan kepada pemegang permit ini, bukan saja mengambil kira aspek ekonomi, bahkan juga melibatkan aspek *sustainability* hutan bakau yang ada.

Di samping itu terangnya, jabatan juga akan membenarkan pengambilan kayu bakau kepada orang persendirian yang pengambilannya adalah dipantau dan dikawal.

Sementara itu, menjawab persoalan mengenai rancangan untuk mempromosi Taman Rekreasi Hutan Simpan Pulau Selirong, Yang Berhormat menjelaskan memang menjadi program dan perancangan Jabatan Perhutanan untuk membukakan Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong ini sebagai salah satu destinasi ekopelancongan.

Selain itu katanya, taman ini juga dipromosi sebagai tempat pelajaran dan penyelidikan bagi institusi-institusi luar dan dalam negara yang mana program dan perancangan ini

juga dilaratkan kepada taman-taman rekreasi hutan dan taman negara di seluruh negara.

Manakala menjawab soalan bagi menambah prasarana di Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Jabatan Perhutanan telah membuat kajian kemungkinan bagi mengetahui kesesuaian pembinaan prasarana seperti tempat penginapan pelancong di Taman Selirong ini.

Dari kajian terangnya, menunjukkan bahawa taman ini tidak sesuai dibangunkan prasarana seperti tempat penginapan oleh sebab faktor-faktor seperti ketiadaan kemudahan air bersih, bekalan elektrik dan aspek keselamatan pelancong.



Penanaman gaharu boleh jana ekonomi negara

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan telah membuat perancangan yang bersesuaian bagi memastikan kegiatan penanaman gaharu dapat dikembangkan sebagai sebuah industri yang boleh menjana ekonomi juga.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong berkata, dalam hal ini jabatan berkenaan juga mendukung industri hiran gaharu sebagai contoh penghasilan minyak wangi, daun teh, kepingan-kepingan kecil atau *chips* untuk terapi aroma dan hasil kraf tangan seperti tasbih, gelang, tikar sembahyang dan lain-lain.

Yang Berhormat menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai langkah-langkah yang diambil dalam kegiatan atau aktiviti penebangan pokok serta keperluan-keperluan hutan di negara ini pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini.

"Pihak Jabatan Perhutanan juga akan meneliti amalan terbaik *best practices* dalam perusahaan gaharu dilaksanakan di negara luar yang terbukti berhasil dan dijadikan sebagai *benchmark* dalam memajukan industri hulan dan hiran berasaskan gaharu di negara ini. Dari penilaian ini juga akan dijadikan sebagai panduan bagi meningkatkan kapasiti pengusaha-pengusaha. Begitu juga dengan madu kelulut," ujar Yang Berhormat.

Mengenai isu pengambilan madu kelulut yang melibatkan penebangan pokok-pokok yang terdapat di dalam hutan-hutan kerajaan dan kawasan perkuburan jelas Yang Berhormat, pemantauan dan pengawalannya merupakan tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh kementerian ini melalui Jabatan Perhutanan secara berterusan.

Yang Berhormat berkata, langkah-langkah pemantauan dan pengawalan ini bukan sahaja

dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan sendiri, tetapi secara bersepadu dengan Jawatankuasa Penguatkuasaan Undang-Undang dan jawatankuasa teknikal lain yang berkaitan seperti Jawatankuasa Koordinasi Rondaan Senegara dan Jawatankuasa Keselamatan Salimbada yang melibatkan Pasukan Polis Hutan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Tanah, Jabatan Ukur dan Jabatan Perhutanan.

Untuk makluman jelas Yang Berhormat lagi, Jabatan Perhutanan tidak menegah pengambilan sarang madu kelulut selagi ia mengikut peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini.

Sementara itu, menjawab persoalan mengenai menjadikan CAE (Brunei Multipurpose Training Centre) sebagai tarikan pelancong, Yang Berhormat menjelaskan, memang salah satu daripada aktiviti ataupun pelancongan di negara ini ialah berbentuk MICE *digniting education* dan Conference International Meeting.

Menyentuh mengenai CAE, jelas Yang Berhormat, adalah produk pelancongan dibawah MICE dan telah berunding dengan sekolah-sekolah nasional di Brunei seperti Jerudong International School (JIS) dan Brunei International School (ISB) supaya mereka juga aktif dalam menawarkan sesi pelajaran kepada orang luar di musim-musim panas dalam bulan Julai, Ogos dan September.

"Respons daripada sekolah-sekolah ini sangat menggalakkan dan kaola difahamkan sekolah-sekolah ini terutamanya JIS telah pun membuat tawaran kepada pelajar-pelajar asing untuk menghadiri kelas *summer school* untuk belajar bahasa Inggeris yang berpotensi seperti dari Korea dan China untuk menghadiri sesi Kursus Inggeris selama tiga minggu, di sini. Kadang-kadang para pelajar ini akan membawa ibu bapa mereka untuk menetap di sini di mana waktu pagi adalah bagi sesi belajar dan sesi petang berupa aktiviti-aktiviti pelancongan," ujar Yang Berhormat lagi.

Menjawab persoalan mengenai *homestay* di kampung-kampung, Yang Berhormat menyatakan, tidak

KSSUP melaksanakan sasaran tanpa perbelanjaan kerajaan

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedaya upaya akan berusaha untuk tidak bergantung pada perbelanjaan kerajaan bagi melaksanakan sasaran-sasaran yang telah ditetapkan.

Kebanyakannya melalui tawaran pelaksanaan kepada pihak-pihak swasta termasuk juga pihak Government Link Companies (GLCs) untuk melabur dan juga kepada pihak persendirian dan selanjutnya juga kepada pihak pelabur-pelabur asing.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad

Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai sasaran keluaran yang boleh dicapai dalam membiayai perancangan-perancangan kementerian.

Menurutnya, ini bukan sasaran yang kosong, sebagai contoh, dalam periklanan apabila Yang Berhormat menyatakan *target* sebanyak BND 200 juta ke BND 100 juta sedangkan masa ini kementerian telah menerima dan telah *diapproach* oleh pelabur asing dan kementerian bersama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dan Jawatankuasa Pelancongan juga sedang meneliti Jawatankuasa Pelaburan dalam Pelaburan Langsung Asing (FDI) cadangan daripada sebuah negara besar untuk membuat pelaburan sebanyak BND 30 juta bagi perusahaan penternakan ikan dalam sangkar di luar pantai.

"Ikan tong penuh dan diproses menjadi *fillet* dan akan dijual ke luar negara. Nilai yang dikira oleh pelabur ialah nilai jualan apabila terlaksana nanti dalam dua tahun ke tiga tahun. Nilai jualan setahun adalah sekitar BND 200 juta. Barang ini sudah ada dan ketika ini kementerian sedang membuat sekitar 18 ribu hektar kawasan luar pantai untuk ditawarkan kepada pelabur asing dan seperti dinyatakan tadi dua ribu hektar akan diambil oleh pelabur asing ini. Ada lagi 16 ribu hektar. Kalau kita kira dalam dua ribu hektar ini boleh mengeluarkan hasil tahunan sebanyak 200 juta, kalau kesemua 18 ribu hektar ini akan diusahakan bererti 1.8 bilion," ujar Yang

Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Walau bagaimanapun kata Yang Berhormat, kementeriannya tidak akan membuat *target* 1.8 bilion cuma 200 juta sahaja secara *conservative*.

Yang Berhormat menambah, terdapat tempat-tempat lain yang akan ditawarkan kepada pelabur-pelabur tempatan, iaitu kepada pihak GLCs dan juga pelabur-pelabur asing, seperti kawasan pertanian untuk *vegetable production* di Kampung Tungku, iaitu sebanyak 40 hektar.

"Jadual tawaran RAP akan dikeluarkan bulan Mac ini dan Green house for flowers ada tiga *green houses* di Agrotech Park. Tawaran sudah pun dibuat dan dikeluarkan minggu lepas. Impact Vegetable Plus telah pun dikeluarkan dua hari yang lalu," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menyatakan, untuk Perusahaan Dairy Goods di Agrotech Park juga di Kampung Tungku ada 40 hektar, tawaran akan dibuat kepada pelabur dalam dan luar negara pada bulan Mac atau April ini dan Beef Production Kampung Batang Mitus 80 hektar, akan ditawarkan kepada pelabur pada Mac dan April.

Tambah Yang Berhormat lagi, bagi Poultry Production Kampung Semabat Temburong, 200 hektar akan dikeluarkan tawaran pada bulan Julai dan Beef Production di Kampung Batang Mitus sebanyak 145 hektar kesemuanya akan ditawarkan pada bulan Ogos ini.

Jelas Yang Berhormat, semuanya bukan diusahakan oleh kerajaan tetapi akan diusahakan oleh pelabur-pelabur sama ada dalam negara ataupun FDI.



YANG Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

ada halangan untuk sesiapa sahaja menubuhkan *homestay* di kampung masing-masing yang

memang digalakkan.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, tarafnya perlu

dikawal supaya betul-betul selesa, bersih, selamat dan mengikuti taraf yang telah diberikan oleh ASEAN.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Saudara-saudara baharu perlu diajarkan pengajaran-pengajaran untuk pemahaman, peningkatan dalam ajaran Islam serta dipergiatkan lagi kegiatan pemahaman supaya kehidupan mereka terjaga.

Kepentingan akidah saudara-saudara baharu ini dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari ketujuh di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Terdahulu, ketika menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai perlunya

Kesejahteraan saudara baharu sentiasa diberi perhatian

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pemantapan kefahaman akidah saudara baharu dan amalan tentang agama Islam serta taraf kehidupan mereka pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN, Yang Berhormat turut menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mana kita tidak memaksakan akidah kepada orang yang bukan Islam bahkan kita tidak memaksakan cara hidup Islam tetapi kita memperkenalkan cara hidup Islam menawarkan kepada mereka mengenai akidah dalam bergantung kepada hidayah Allah Subhanahu Wata'ala.

"Sekali pun Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri tidak dapat memasukkan iman kepada dalam hati pamannya yang mengasihinya dan melindunginya, yang sedemikian itu hidayah adalah milik Allah Subhanahu Wata'ala untuk memberikan kepada sesiapa berusaha untuk memperkenalkan akidah itu kepada orang lain.

Tetapi kita tidak memaksakannya itu yang penting, tetapi kita memperkenalkan cara hidup Islam untuk sama-sama diamalkan sebagai

rakyat dan penduduk yang duduk di negara Islam yang duduk di bawah kepimpinan raja Islam yang mana nilai-nilai cara hidup Islam itu maksudnya ialah nilai-nilai yang universal yang juga ada termasuk dalam nilai-nilai adat mereka yang tradisional tidak bertentangan dan nilai-nilai universal yang selebihnya," jelas Menteri Hal Ehwal Ugama.

Mengenai saudara-saudara baharu itu yang tergolong dalam golongan miskin jelas Yang Berhormat, itulah yang telah disasarkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan dana yang disediakan oleh Majlis Ugama Islam Brunei melalui wang zakat jika mereka itu berhak seperti memerlukan rumah.

"Ada beberapa rancangan perumahan yang dilakukan di PDI di Daerah Temburong untuk perumahan saudara-saudara baharu yang memerlukan perumahan dalam erti kata mereka itu orang yang miskin. Dibantu menyediakan perumahannya. Ada tiga buah yang sudah siap dan sebuah lagi akan siap. InsyaaAllah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah,

berek-berek untuk penempatan mereka juga disediakan, iaitu apabila didapati di kampung tersebut ramai bilangan keluarga yang saudara mereka memeluk agama Islam.

Jelas Yang Berhormat, mereka asalnya yang tinggal di rumah panjang yang misalnya diubah rumah panjang itu kepada berek yang bersesuaian dengan keadaan sekarang dan mereka tinggal di sana umpamanya di Semabat ada beberapa buah keluarga, begitu juga di Selapon.

Menurut Yang Berhormat, ada berek-berek itu didiami oleh keluarga tidak kurang dari enam keluarga satu berek dan keperluan untuk memberikan perumahan itu memang ada, mereka itu sebagai orang miskin yang memerlukan perumahan dan diberikan perumahan, untuk penempatan secara berkeluarga dan berkumpul di satu tempat di kampung dengan menyediakan berek-berek.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan adalah bukan dasar dalam Islam untuk memisahkan saudara baharu daripada keluarga mereka bahkan adalah lebih ideal sebagai anggota keluarga siap hidup bersama-sama keluarga.

"Tidak ada halangan dari segi



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

syarak dalam perkara ini. Kalau ada keperluan khas dalam erti kata kerana memeluk agama Islam itu timbul perselisihan kekeluargaan maka hal sedemikian itu diberi pertimbangan khas maka disediakanlah rumah-rumah kediaman sementara tapi untuk menyisihkan daripada keluarga itu bukan dasar PDI dalam pengislaman," tegas Yang Berhormat.

Tapak berpotensi dikenal pasti bagi ternakan berskala besar



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengenal pasti tapak berpotensi bagi aktiviti-aktiviti penternakan yang dikhususkan bagi ternakan berskala besar di kawasan Kemajuan Pertanian Semabat yang mempunyai keluasan 200 hektar.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong menyatakan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin mengenai rancangan pihak kementerian untuk membuka tapak-tapak baharu khusus untuk ternakan.

Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari ketujuh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

di sini, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menjelaskan aktiviti yang dikhususkan ialah pemeliharaan ayam pedaging reban tertutup secara integrasi yang merangkumi dari pemeliharaan ayam, pembiakan, penetasan, ayam pedaging dan penyembelihan.

Manakala bagi subsidi benih dan makanan ternakan katanya, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak akan memasuki perkara tersebut dalam senarai subsidi kerajaan.

Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menurutnya, telah membuat simulasi kewangan terhadap aktiviti ternakan seperti penternakan ayam pedaging dan mendapati tanpa harga subsidi bagi benih dan makanan ternakan tersebut, pihak syarikat masih boleh memberikan keuntungan yang positif terhadap perusahaan yang dijalankan.

Sementara itu, menjawab persoalan berkenaan pelancongan yang diajukan juga oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengadakan perundingan bersama pihak Jabatan Daerah Temburong untuk membuka cawangannya di Daerah Temburong dalam masa yang terdekat.

"Dalam pada itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga telah mengaturkan beberapa orang pegawai untuk ditugaskan secara tetap bagi membantu perancangan perkembangan dan kemajuan pelancongan di Daerah Temburong.

Antara tugas dan tanggungjawab pegawai ini ialah untuk memastikan produk-produk pelancongan yang terdapat di Daerah Temburong mematuhi kehendak, keperluan dan peraturan semasa. Pegawai-pegawai ini juga bekerjasama dengan *stakeholders* yang berkait rapat dengan industri pelancongan meliputi agensi kerajaan yang lain, ejen pelancongan, perhotelan, pengendali pengangkutan dan masyarakat setempat," jelasnya lagi.

Pada masa ini tambahnya, tumpuan utama Jabatan Kemajuan Pelancongan ialah mengukuhkan produk pelancongan yang sedia ada di Batang Duri dan Ulu Temburong yang menawarkan keunikan alam semula jadi dan sumber biodiversiti seperti mempunyai tarikan pelancongan yang tersendiri khususnya bagi yang menggemari *adventure tourism*.

Manakala menjawab soalan mengenai usaha Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk memastikan operator pelancongan mengambil kira konsep Melayu Islam Beraja (MIB) di negara ini, Yang Berhormat menjelaskan Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang membuat inisiatif untuk bekerjasama dengan institusi pendidikan sama ada kerajaan ataupun swasta untuk menawarkan *short training* bagi Operator

Primary product, fokus utama untuk destinasi pelancongan

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika ini memberi fokus kepada *primary product* iaitu produk-produk yang benar-benar sudah ada *establish* sebagai destinasi pelancongan dan perlu dikukuhkan seperti Ulu Temburong dan Batang Duri, Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong berkata, seterusnya Emerging Product termasuklah juga Tasek Merimbun, tetapi kalau dikira *ranking priorities* yang hampir *establish* sekarang, iaitu seperti pantai-pantai, taman-taman perhutanan, taman-taman rekreasi seperti di Sungai Basong dan lain-lainnya.

Yang Berhormat menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai Tasek Merimbun untuk dijadikan kawasan tarikan pelancongan.

"Selepas kita memberi fokus yang sepenuhnya kepada *primary products* akan beralih kepada Emerging Products ini mengikut *priority*nya. Mengikut kesesuaiannya dari segi tarikan dan kemudahan untuk orang mengunjungi tempat demikian memanglah dapat kita gunakan secara GDP untuk mengembangkannya Tasek Merimbun supaya destinasi pelancongan akan digalakkan," ujar Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, sepertimana yang diketahui, Tasek Merimbun dikategorikan sebagai *heritage* oleh ASEAN, jadinya perlu ada kawalan sejauh mana kita membangun Tasek Merimbun.

Secara aktiviti tambahnya, mungkin masih boleh dikembangkan dengan memastikan elemen-elemen *heritage* itu dikekalkan.

Pelancongan (Tour Guides) supaya mereka memahami sejarah tempat-tempat yang selalu dilawati oleh pelancong dan juga apa-apa

perkara yang berkaitan dengan MIB untuk mereka fahami sebelum mereka diiktiraf sebagai Operator Pelancongan.

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-12 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn
BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN 7(a) BILANGAN IKLAN 12/03/16(SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 04 APRIL 2016

1. MERINYU PEMASANGAN C.2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = 3	2. PEGAWAI LATIHAN B.2/B.2EB.3 BAHAGIAN II INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = 2
---	---

PEMBERITAHUAN

PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)

Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

Penggunaan kali pertama:

- Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun Darussalam, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di www.gov.bn. Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
- Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
- Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik sijil-sijil atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

Penggunaan Seterusnya:

- Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
- Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies*) atau klik 'Carian Lanjutan' (*Advance Search*) dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
- Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
- Permohonan yang DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.**

Maklumat Tambahan:

- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
- Kemudahan Komputer dan Mesin Imbas (*Scanner*) ada disediakan bagi kegunaan orang ramai seperti berikut:-
 - Pejabat Daerah Belait;
 - Pejabat Daerah Temburong.
 - Jabatan Bandaran Daerah Tutong.

PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

- Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
- Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimuatnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.
- PoC adalah bertanggungjawab bagi menghadapi pengesahan atau penolakan bagi pemohon di Kementerian / Jabatan berkenaan.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn

E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn

GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL gems.helpdesk@psd.gov.bn

UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA LAYARI: www.spa.gov.bn, recruitment.gov.bn &

FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei



**LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Keterangan Tawaran :
THREE (3) YEARS TERM CONTRACT
MAINTENANCE AND SERVICING
AIR CONDITIONING UNIT
FOR MUNICIPAL BUILDING
Bilangan Tawaran :
BBS/TCMSACMB/2017-2019**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran ke alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam

tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, hari Selasa, 29 Mac 2016.**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Borang dan dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari :

**Bahagian Projek, Aras 2
Bangunan Utama Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Setia**

**Jalan Mckerron
Kuala Belait, KA 1131
Negara Brunei Darussalam.**

5. Yuran dokumen adalah sebanyak **BND300.00 (Ringgit Brunei Tiga Ratus Sahaja)** bagi tiap-tiap tawaran dan hendaklah dijelaskan di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia, Jalan Mckerron, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja seperti berikut :

Hari Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari dan dari jam 1.30 Petang hingga 3.00 Petang. Pada hari Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi dan tutup pada hari Jumaat, Ahad dan Hari-hari Kelepasan Awam.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap penender dikehendaki menghadapkan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Bab 16 & 17) (*Business Names Act 16 & 17*) dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran seperti

kadar yang ditetapkan diiklan tawaran. Yuran dokumen tidak dikembalikan (*non-refundable*).

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

9. Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran pada : **19 Mac 2016, Sabtu, Tarikh Tutup : 29 Mac 2016, Selasa dan dialamatkan kepada :**

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Bangunan Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Tingkat 1, Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan, BS8610
Negara Brunei Darussalam.**



JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN : (1)JPM/PT/UP/2016

TAWARAN-TAWARAN adalah diterima dari syarikat-syarikat yang berdaftar / berlesen di negara ini untuk :

i) **TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PEMANDU-PEMANDU JABATAN PERDANA MENTERI.**

ii) Borang dan dokumen tawaran boleh didapati di Unit Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Simpang 15, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

iii) Tarikh Tawaran pengambilan borang iklan pada **21 Mac 2016.**

Tarikh akhir mengambil borang iklan pada **11 April 2016.**

Tarikh tutup pada **13 April 2016, jam 9.00 Pagi.**

iv) Tempat menghantar :

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

2. Tawaran ini adalah bagi MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PEMANDU-PEMANDU JABATAN PERDANA MENTERI selama dua (2) tahun.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis denan 'TAWARAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PEMANDU-PEMANDU, JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'

tanpa menunjukkan identiti pembekal. Tawaran-tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Setiap tawaran hendaklah ada menyatakan dan menyertakan :

i) Harga Tawaran.

ii) Tempoh Pembekalan (menyiapkan pesanan).

iii) Kualiti Kain (jenis dan buatan).

iv) Warna Kain mestilah warna kuning cream dan putih dan juga contoh kain hendaklah disertakan.

v) Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Lesen Perniagaan yang diakui sah mestilah disertakan.

5. Segala bayaran berikutan dari pembekalan seperti cukai kastam dan sebagainya adalah ditanggung oleh pembekal itu sendiri.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidaklah semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :
JMK/BPB/A/2016/05**

**TAJUK TAWARAN :
TAWARAN BAGI KERJA-KERJA
PEMOTONGAN RUMPUT
DAN PEMELIHARAAN
LANSKAP KAWASAN LUAR
BANGUNAN DARULIFTA, JABATAN
MUFTI KERAJAAN, SIMPANG 26,
JALAN PENGIRAN BABU RAJA,
BANDAR SERI BEGAWAN,**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat / pemborong tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam seperti perkara di atas.

2. Borang tawaran bolehlah diperolehi di Bahagian Perancangan dan Kewangan, Tingkat Bawah, Blok Pentadbiran, Bangunan Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam di alamat

**Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja,
Negara Brunei Darussalam.**

3. Pengambilan borang tawaran dan bayaran **BND20.00 (Ringgit : DUA PULUH Sahaja)** secara tunai akan dikenakan bagi tiap-tiap satu dokumen tawaran (tidak akan dikembalikan) mulai **24 Mac sehingga 2 April 2016** dari **jam 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan dari 2.00 Petang hingga 3.30 Petang.**

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup (*sealed envelope*) dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa, 26 Jamadilakhir 1437 Hijrah bersamaan 4 April 2016 Masihi.**

**PENGERUSI JAWATANKUASA
SEBUT HARGA / TAWARAN**

**JABATAN MUFTI KERAJAAN
SIMPANG 26**

**JALAN PENGIRAN BABU RAJA
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2112
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**BILANGAN TAWARAN :
JMP/BPB/A/2016/05**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**BILANGAN TAWARAN :
04/JMM/S/12/91-2016**

**TAJUK TAWARAN :
UPGRADING AND RENOVATION
WORKS TO MAINTENANCE AND
REPAIR WORKSHOP AT
KG. PELAMBAYAN,
JALAN KOTA BATU,
MUSEUM DEPARTMENT,
BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan yang sah dalam kategori kerja **KA01 dan B01 - Kelas II Ke Atas.**

2. 'Main Contractor' ataupun penglibatan perkhidmatan 'Sub Contractor' bagi kerja-kerja elektrik dan mekanikal hendaklah dari syarikat-syarikat / pemborong-pemborong tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam kategori kerja **E01 dan M01.** Sijil Pendaftaran hendaklah

disertakan bersama dokumen tawaran.

3. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

4. Lawatan bagi melihat tempat berkenaan akan diadakan pada hari **Isnin, 28 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.** Semua syarikat / pemborong adalah dikehendaki berkumpul di Bangunan Bengkel Pemeliharaan dan Pembaikan, Jalan Kota Batu pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.

5. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja.

6. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Pegawai Kerja dari Bahagian Pemeliharaan Bangunan dan Kawasan, Jabatan Muzium-Muzium, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam.

7. Yuran tawaran adalah **BND30.00** sahaja bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama

ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bona-fide tender*).

8. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

9. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran (berwarna BIRU) yang disediakan di :

**Tingkat 1
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
BS8110
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat 5 April 2016, jam 2.00 Petang, hari Selasa.

10. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan

tidak akan dilayan.

11. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Sabtu, 2 April 2016, jam 11.00 Pagi.**

12. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

13. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (*Business Enactment Section 16 & 17*) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

14. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 6).

15. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

16. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

PERADUAN PENULISAN ESEI ILMIAH PANGSURA

PENDAHULUAN

DEWAN Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang ditubuhkan sejak tahun 1961 kini telah mencapai usia emas. Dalam jangka masa lebih setengah abad, Dewan Bahasa dan Pustaka telah berjaya mencapai misi dan visinya sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan bagi mendaulatkan bahasa Melayu dan memartabatkan sastera Melayu.

Selaras dengan dasar dan tujuan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Bab 82 (i), yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Sehubungan itu, pelbagai usaha telah diungkapkan oleh jabatan ini ke arah memperkembangkan, memartabat serta memperkasa penggunaan, pemakaian dan penyelarasan bahasa Melayu.

Dewan Bahasa dan Pustaka juga secara terus-menerus berusaha menjana pelbagai program setiap tahun. Bermula pada tahun 2014, Bahagian Sastera, Majalah dan Jurnal, buat julung-julung kalinya telah menganjurkan Peraduan Penulisan Esei Ilmiah Pangsura. Peraduan direncana akan diadakan dua tahun sekali.

Pada tahun ini bahagian ini sekali lagi mengungkapkahkan peraduan Penulisan Esei Ilmiah Pangsura, yang bertujuan mengembangk dan mengangkat martabat kesusasteraan Melayu di negara ini. Peraduan ini juga diharap akan dapat mempertingkatkan kualiti serta kuantiti penerbitan jurnal terbitan jabatan ini.

RISTAAN

Jurnal Pangsura, merupakan jurnal penyampai wadah sebagai jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara. Jurnal ini diterbitkan dua kali setahun.

Jurnal Pangsura pertama terbit pada 25 Sya'aban 1416 / 16 Januari 1996. Penerbitan jurnal ini bertujuan membantu mempertingkatkan mutu karya sastera, sebagai wadah ilmiah dalam usaha menampilkan kajian-kajian serta pembahasan-pembahasan tentang sastera. Di samping mendukung perkembangan kesusasteraan Melayu

khususnya di Negara Brunei Darussalam dan dunia Melayu amnya.

Dalam membantu mempertingkatkan jurnal Pangsura sebagai wacana komunikatif dan menjadi wadah unggul pembawa misi sastera, jurnal ilmiah sastera ini diangkat bentuk pengkajian dan penelitiannya ke peringkat Asia Tenggara.

Jurnal ini terus berkembang sehingga kini dan dipertingkatkan hubungan dengan negara-negara di Asia Tenggara melalui sebuah keanggotaan khusus menangani segala kegiatan, pemyarakatan, penelitian, penyelidikan dan penerbitan sastera Melayu, iaitu Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA). Penerbitan Pangsura keluaran Julai - Disember 1997, merupakan edisi pertama jurnal Pangsura MASTERA.

Jurnal Pangsura memuatkan pengkajian dan penelitian sastera daripada penulis negara anggota MASTERA, iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand, serta dari negara Asia Tenggara lainnya. Melalui jurnal ini, gagasan dan pandangan para ahli akademik dan golongan intelektual tentang kehidupan sastera di kawasan Asia Tenggara dapat saling dihubungkan serta disebarluaskan. Dengan demikian, jurnal ini dapat diharapkan menjadi sarana yang efisien dan efektif bagi para sarjana dan penyelidik serta peneliti sastera di Asia Tenggara.

OBJEKTIF

Mengukuhkan, memartabat dan memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, di samping mendukung visi dan misi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Memberi kesedaran tentang pentingnya aktiviti membaca dan seterusnya menjadikannya sebagai satu budaya.

Mengenalpasti dan meneliti karya-karya yang berkualiti bagi mempertingkatkan kualiti serta kuantiti penerbitan jurnal terbitan jabatan ini.

Memantapkan penulis-penulis sedia ada, serta melahirkan penulis baharu yang berpotensi dan menyingkap gagasan penulis ke arah pembentukan jati diri dalam berkarya.

Menggerak dan membangun minda penulis supaya lebih dinamik dan progresif.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur 18 tahun dan ke atas pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan.

Esei ilmiah yang dihasilkan tidak menyentuh sosiopolitik negara serta sensitiviti mana-mana pihak, kepercayaan atau agama.

Manuskrip mestilah ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan sistem Ejaan Rumi Baharu yang digunakan pada masa ini.

Esei mengandungi abstrak dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Panjang manuskrip hendaklah tidak kurang dari 15 halaman dan tidak lebih 30 halaman, rupa taip Times New Roman, poin 12, langkau baris 1.5 pada sebelah muka surat kertas berukuran A4, nota kaki 10 poin.

Manuskrip mestilah dihantar dalam lima (5) salinan berbentuk jilid sisir (*comb binding*) termasuk salinan asal yang disalin ke dalam cakera padat.

Manuskrip yang dihantar mestilah belum pernah diterbitkan sama ada sebahagian atau sepenuhnya serta belum pernah terikat dengan mana-mana pihak untuk diterbitkan.

Manuskrip mestilah asli, bukan terjemahan, saduran (penyesuaian) atau apa sahaja yang menyebabkannya bukan karya asli. Manuskrip juga mestilah bukan sepenuhnya, mahupun petikan atau sebahagian daripada kerja kursus, latihan ilmiah atau disertasi.

Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar sebuah manuskrip sahaja.

Manuskrip yang dihantar untuk peraduan ini tidak dibenarkan untuk dicetak sebelum atau selepas keputusan peraduan diumumkan.

Manuskrip yang memenangi peraduan ini akan diterbitkan oleh penganjur dan dimuatkan dalam jurnal Pangsura tanpa bayaran royalti.

Manakala manuskrip yang tidak menerima hadiah penghargaan dan sagu hati, akan dinilai kesesuaiannya untuk diterbitkan. Pembayaran bersesuaian adalah bergantung pada kadar bayaran yang ditetapkan pada masa tahun penerbitan.

Hak cipta terhadap semua esei manuskrip yang dikirimkan adalah dipegang oleh penulis, tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai hak pertama untuk menerbitkannya dalam variasi bentuk penerbitan.

Urus Setia Peraduan tidak bertanggungjawab

atas kehilangan atau kerosakan manuskrip semasa dalam pengiriman. Walau bagaimanapun setiap penyertaan akan disusuli dengan pengakuan penerimaan oleh Urus Setia Peraduan.

Sekiranya manuskrip yang dihantar melanggar syarat dan peraturan yang telah ditetapkan, penyertaan akan dibatalkan dan segala bentuk hadiah serta penghargaan perlu dikembalikan kepada pihak penganjur.

Pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka dibenarkan menyertai peraduan ini kecuali barisan Panel Hakim yang telah dilantik serta Urus Setia Peraduan.

Nama penulis, dan nama pena (jika ada), nombor kad pintar serta alamat penuh, tidak ditaip dalam manuskrip, tetapi hendaklah ditulis dalam borang berasingan yang telah disediakan oleh Urus Setia Peraduan.

Peserta harus meneliti syarat-syarat penyertaan terlebih dahulu, sebelum menghantar manuskrip kepada Urus Setia Peraduan.

Keputusan Panel Hakim adalah muktamad dan sebarang bantahan dalam apa juga bentuk, tidak akan dilayan.

Borang penyertaan hendaklah dihantar pada atau tidak lewat pada hari Sabtu, 31 Disember 2016.

TEMA ESEI ILMIAH

Kajian Sastera Wanita
Kajian Sastera dan Industri Kreatif
Kajian Sastera dan Lingkungan Hidup
Kajian Sastera Islam
Kajian Nilai-Nilai Budaya dalam Karya Sastera
Kajian Sukut dalam Pantun Melayu Brunei

PEMENANG

Tiga (3) Hadiah Penghormatan :

Pemenang Pertama : Wang tunai BND2,500.00, plak dan sijil penghargaan.

Pemenang Kedua : Wang tunai BND2,000.00, plak dan sijil penghargaan.

Pemenang Ketiga : Wang tunai BND1,500.00, plak dan sijil penghargaan.

Lima (5) Hadiah Sagu Hati :

Wang tunai BND600.00, plak dan sijil penghargaan.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

IKLAN TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH ARAB DAN SEKOLAH UGAMA JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BAGI TEMPOH 3 (TIGA) TAHUN

Bil Rujukan Tawaran : 1
KHEU/JPI/BPP3/K/47/06

Nama Sekolah Ugama :
SEKOLAH UGAMA JERUDONG,
KAWASAN BRUNEI III

TAWARAN PERKHIDMATAN
KANTIN SEKOLAH ARAB
DAN SEKOLAH UGAMA,
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA,
BAGI TEMPOH 3 (TIGA) TAHUN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :

1) **SEBUT HARGA** adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2) Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan atau syarikat-syarikat swasta

yang berhubungkait dengan kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airlines (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.

3) Pemohon hendaklah membawa bersama SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 tersebut dan CAP SYARIKAT semasa mengambil Borang Tawaran Sebut Harga.

4) Setiap pemohon hendaklah mengambil satu (1) borang sahaja. (Tidak boleh berwakil).

5) Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

6) Setiap Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan dicap syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna BIRU sahaja.

7) Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk yang tinggal di daerah tempat sekolah tersebut.

8) Borang sebut harga serta salinan SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) menulis dengan jelas **TAJUK & BILANGAN TAWARAN DAN TARIKH TUTUP** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

9) Borang tawaran hendaklah dikembalikan

dan dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** yang ditujukan kepada :

Tarikh tutup mengambil borang :
29 Mac 2016 M (Selasa).

Dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** yang ditujukan ke :

**PETI SEBUT HARGA
BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT 1
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
JALAN MENTERI BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Tarikh akhir menghantar :
30 Mac 2016M (Rabu) tidak lewat jam 2.00 Petang.

10) Setiap satu (1) borang tawaran sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat.

11) Borang tawaran sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK AKAN DILAYAN.

12) Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran sebut harga :

**ISNIN hingga KHAMIS
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
SABTU, 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**

13) Borang-borang tawaran sebut harga boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Blok 2 I, Tingkat 4, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311, Negara Brunei Darussalam.



MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NOTIS MENGENAI

DIVIDEN TERAKHIR

Nama Penghutang - Hajah Siti Jauyah binti Haji Ahmad (BYIC No. 00-46997). Alamat - No. 2, Simpang 637-27-35, STKRJ Kampung Lambak Kiri, Jalan Pasir Berakas, BB1114, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah-Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan No. 296 Tahun 2001. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100 sen. Pertama atau terakhir atau selainya - Terakhir. Bila Kena dibayar - 15 Mac 2015. Di mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

Mahkamah Besar

Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

Tawaran Penyewaan Ruang-Ruang Kosong (Komersial atau Pejabat) di Pejabat Pos Mumong, Jalan Mulana, Singa Menteri, Mumong, Kuala Belait
Rujukan Tawaran : POS/T/22/JPP/2015 - 2016

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak seperti berikut **(tidak dikembalikan)**. Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam mata wang ringgit Brunei.

**Unit yang
Disewakan dan Yuran Tawaran**

Bil. 1. Unit Yang Disewakan - Unit A
Yuran Tawaran : BND10.00

Bil. 2. Unit yang Disewakan - Unit B
Yuran Tawaran : -

Bil. 3. Unit yang Disewakan - Unit C
Yuran Tawaran : BND10.00

Bil. 4. Unit yang Disewakan - Unit D
Yuran Tawaran : -
Bil. 5. Unit yang Disewakan - Unit E

Yuran Tawaran : -

Bil. 6. Unit yang Disewakan - Unit F
Yuran Tawaran : -

Bil. 7. Unit yang Disewakan - Unit G
Yuran Tawaran : -

Bil. 8. Unit yang Disewakan - Unit H
Yuran Tawaran : -

Bil. 9. Unit yang Disewakan - Unit J
Yuran Tawaran : BND10.00

3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati :

Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. **Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.**
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

Tawaran Penyewaan Ruang-Ruang Kosong (Komersial atau Pejabat)

di Pejabat Pos Mumong, Jalan Mulana
Singa Menteri, Mumong, Kuala Belait
Rujukan Tawaran : POS/T/22/JPP/2015 - 2016

Dialamatkan seperti berikut :

Bil. 1. Unit yang Disewakan - Unit A
Dialamatkan ke :
PETI LEMBAGA TAWARAN KECIL
Tingkat 4, Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

Bil. 2. Unit yang Disewakan - Unit B
Dialamatkan ke :
PETI SEBUT HARGA
Tingkat 1, Pejabat Ketua Pos Agung
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.

Bil. 3. Unit yang Disewakan - Unit C
Dialamatkan ke :
PETI LEMBAGA TAWARAN KECIL
Tingkat 4, Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

Bil. 4. Unit yang Disewakan - Unit D
Bil. 5. Unit yang Disewakan - Unit E
Bil. 6. Unit yang Disewakan - Unit F
Bil. 7. Unit yang Disewakan - Unit G
Bil. 8. Unit yang Disewakan - Unit H
Dialamatkan ke :
PETI SEBUT HARGA
Tingkat 1, Pejabat Ketua Pos Agung
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611

Negara Brunei Darussalam.

Bil 9. Unit yang Disewakan - Unit J
Dialamatkan ke :
PETI LEMBAGA TAWARAN KECIL
Tingkat 4, Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

6. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Selasa, 22 Mac 2016, jam 2.00 Petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

7. Tawaran-tawaran yang dihadapkan hendaklah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga serta menyertakan :

a. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

HARI INFORMASI

Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengadakan Hari Informasi bagi tawaran-tawaran tersebut di atas dan seterusnya mempelawa pihak-pihak yang berminat untuk hadir pada hari tersebut yang akan diadakan seperti berikut :

Hari : Selasa
Tarikh : 15 Mac 2016
Jam : 10.00 Pagi
Tempat : Pejabat Pos Mumong
Kuala Belait.



**INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

BAHAGIAN PENDIDIKAN LANJUTAN DAN LATIHAN
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI

TAWARAN KURSUS PENDEK DI BAWAH PROGRAM *FASHION DESIGN AND TEXTILE*

BAHAGIAN PENDIDIKAN LANJUTAN DAN LATIHAN

INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI

BAGI SESI APRIL DAN MEI 2016

Tarikh Tutup Permohonan: 2 April 2016, 4.00 petang

Dimaklumkan bahawa kursus pendek di bawah program *Fashion Design and Textile* kini dibukakan kepada orang ramai yang berumur 18 tahun ke atas yang berminat untuk menceburi bidang *Fashion Design and Textile* dan ingin bekerja sendiri.

BIL	NAMA KURSUS	BERTEMPAT	TEMPOH & *TARIKH BERMULA	BAYARAN YURAN	
				Warganegara	Warga Asing
1	Basic Introduction to Fashion Design	Bangunan Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan	15 Jam 12 April 2016	BND \$22.50	BND \$33.75
2	Basic Fashion Illustration		30 Jam 12 April 2016	BND \$45.00	BND \$67.50
3	Basic <i>Kurong</i> Modern		50 Jam 12 April 2016	BND \$75.00	BND \$112.50
4	Basic Beading & Embroidery		20 Jam 27 April 2016	BND \$30.00	BND \$45.00
5	Basic Introduction to Fashion Moodboard		20 Jam 2 Mei 2016	BND \$30.00	BND \$45.00
6	Basic <i>Kurong</i> Traditional		50 Jam 9 Mei 2016	BND \$75.00	BND \$112.50

*Tarikh bermula tertakluk kepada perubahan

Perhatian: Kursus pendek yang tersenarai di atas akan dijalankan semasa waktu pejabat, (Isnin-Khamis dan Sabtu).

Borang permohonan bolehlah diperolehi semasa waktu pejabat di:

BAHAGIAN PENDIDIKAN LANJUTAN DAN LATIHAN

INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SIMPANG 347, JALAN PASAR BAHARU

GADONG, BE 1310

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi: Nurrafidah binti Md Salleh di talian +673 2422493 sambungan 203



**LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI.**

Keterangan Projek : THREE (3) YEARS TERM CONTRACT FOR RUBBISH COLLECTION IN KUALA BELAIT AND SERIA MUNICIPAL AREA

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : BBS/TOC/RCKBS/2016-2019

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tawaran kepada alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, hari Selasa, 5 April 2016.**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

4. Borang dan dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari :

Bahagian Projek
Aras 2, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria
Jalan Mckerron, Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran dokumen adalah dikehendaki sebanyak **BND100.00 (Ringgit Brunei Satu Ratus Sahaja)** bagi tiap-tiap tawaran dan hendaklah dijelaskan di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Jalan Mckerron, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja seperti berikut :

Pada Hari Isnin hingga Hari Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari dan dari jam 2.00 Petang hingga 3.00 Petang. Pada Hari Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi dan tutup pada hari Jumaat, Hari Ahad dan Hari-hari kelepasan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki menghadapkan Sijil Pendaftaran yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar dokumen tawaran seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran pada : 4 April 2016 (Isnin)
Tarikh tutup : 5 April 2016 (Selasa) dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Tingkat 1, Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan.



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**MAKLUMAN KENDERAAN TAHANAN
YANG TIDAK BERTUAN DAN BELUM DITUNTUT**

ADALAH dengan ini dimaklumkan dan nasihatkan kepada pemilik-pemilik kenderaan-kenderaan (seperti tersenarai) yang masih dalam tahanan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja supaya menuntutnya dalam kadar segera.

Kenderaan-kenderaan berkenaan dipercayai digunakan untuk membawa barang-barang kesalahan Kastam dan Eksais Diraja dan telah ditinggalkan semasa operasi yang dijalankan oleh Jabatan Kastam dan juga bersama lain-lain Agensi Penguat Kuasa Undang-Undang yang berkaitan.

Tuntutan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya **tiga (3) Minggu Iklan Makluman** ini dan tindakan untuk melupuskannya akan diambil jika tidak ada tuntutan selepas tarikh berkenaan. Dokumen sah memiliki kenderaan-kenderaan tersebut hendaklah dibawa semasa tuntutan dibuat.

JENIS KENDERAAN DAN NO. PENDAFTARAN

1. KIA SPORTAGE - BH 8787
2. MITSUBISHI PEJERO - BN 6065
3. CHEVROLET CRUZE - BAB 2659
4. HONDA JAZZ - BAA 9257
5. SUZUKI APV - KK 5687
6. MITSUBISHI L 200 - KJ 9459
7. TOYOTA COROLLA - KC 2071
8. NISSAN LAUREL - BL 5197
9. MITSUBISHI SIGMA - KE 760
10. SUZUKI JEEP - BJ 8934
11. TOYOTA COROLLA - KC 2071
12. NISSAN LAUREL BL 5197
13. TOYOTA CRESSIDA - KE 760
14. SUZUKI JEEP - BJ 8934
15. HONDA INTEGRA - BM 5494

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah berhubung terus ke Unit Siasatan, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Block B, B20, Simpang 32-15 Flat Anggerek Desa, Kg Anggerek Negara Brunei Darussalam. Talian : +673 2384590 dan +673 2384592.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN**

**JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**PENCALONAN BAGI JAWATAN KOSONG
DI SEKRETERIAT KOMANWEL**

No. 1 :

Jawatan : Director - Oceans and Natural Resources Advisory Division.

Kekosongan : Satu (1)

**Tarikh tutup :
4 April 2016**

No. 2 :

Jawatan : Head of Technical Assistant Unit - Technical Assistance Unit

Kekosongan : Satu (1)

**Tarikh tutup :
4 April 2016**

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan-jawatan tersebut boleh didapati melalui laman web www.thecommonwealth.org/jobs.



**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SURAT KUASA PUSAKA : LA/ NO. 55/2016

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AZIZ BIN HAJI ISMAIL** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SITI JAUYAH BINTI SALAMAT** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **22 Mac 2016, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 MAC 2016.

SURAT KUASA PUSAKA : LA/ NO. 48/2016

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **JOFFERI BIN HAJI AHMAD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI AHMAD BIN BIDIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **22 Mac 2016, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 MAC 2016.

(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)
Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam.

22 MARCH & 23 APRIL
10AM - 8PM

THE MALL, GROUND FLOOR

**NARCOTICS CONTROL BUREAU
PRIME MINISTER'S OFFICE
JLN TUNGKU, GADONG BE 2110
BRUNEI DARUSSALAM
HOTLINE : 673-8777444**

BKN

PRESENTS

ANTI-DRUG ROADSHOW

COME MEET US & FIND OUT ABOUT

**NASI LEMAK SERUNDING TEPUNG KRISTAL
SYABU MARIJUANA MDMA ECSTASY JOINT
BROWN SUGAR HEROIN ICE PIL KUDA GILA
AND MORE ILLEGAL DRUGS**

In collaboration and supported by:

Nda! no drugs at all

SAY NO TO DRUGS!

www.narcotics.gov.bn

nodrugsatall

Sektor Perbankan Negara Brunei Darussalam 2015

Terus kukuh, berdaya tahan

Oleh : Unit Penyelidikan Perbankan, AMBD

SISTEM kewangan Negara Brunei Darussalam adalah terdiri daripada institusi-institusi kewangan Islam dan konvensional yang mempunyai aset keseluruhan berjumlah BND20.7 bilion pada tahun 2015. Sebahagian besar dari sistem kewangan di Negara Brunei Darussalam adalah terdiri dari institusi perbankan dengan aset berjumlah BND17.0 bilion pada 2015, yang merupakan 82.0% daripada jumlah keseluruhan aset sistem kewangan.

PERKEMBANGAN PERATURAN PERBANKAN

Pada 28 Mei 2015, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengeluarkan beberapa Notis Peraturan seperti Jadual 1 di atas. Peraturan-peraturan berkenaan bertujuan untuk mengawal hutang isi rumah yang boleh menjadi sumber kelemahan kepada sosio-ekonomi secara keseluruhan, dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip, iaitu Menggalakkan institusi-institusi kewangan untuk memberi pembiayaan yang lebih bertanggungjawab dan beretika; Mempromosikan dan meningkatkan kebolehan pengurusan hutang dalam kalangan orang ramai bagi kepentingan kestabilan ekonomi dan kewangan; dan Menjaga kepentingan orang ramai sebagai pelanggan.

Notis-notis Peraturan ini telah berkuatkuasa mulai 8 Jun 2015 di mana ciri-ciri utama yang terkandung dalam Notis-notis Peraturan berkenaan adalah antara lainnya seperti berikut :

- Bank-bank (termasuk Perbadanan TAIB untuk tujuan laporan ini) yang menawarkan produk pembiayaan peribadi yang tidak bercagar telah dibenarkan untuk meningkatkan keseluruhan portfolio pembiayaan peribadi dari 30% kepada 40% daripada jumlah keseluruhan portfolio pembiayaan masing-masing. Peningkatan ini akan memberi peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan pembiayaan peribadi;

- Bank-bank yang menawarkan produk pembiayaan peribadi yang tidak bercagar adalah dibenarkan untuk menawarkan had pembiayaan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 18 kali ganda daripada gaji bersih bulanan peminjam dengan tempoh maksima selama enam (6) tahun;

- Di samping peningkatan had produk pembiayaan peribadi berkenaan, mekanisme kawalan pembiayaan telah diperkenalkan, iaitu Total Debt Service Ratio atau Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang (TDSR). Objektif mekanisme TDSR ini adalah untuk memastikan peminjam mempunyai baki gaji atau pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan bulanan dengan menghadkan jumlah pembayaran balik hutang bulanan. TDSR ini juga menggalakkan peminjam untuk mengurus hutang piutang dengan lebih cekap. Nisbah TDSR yang ditetapkan oleh AMBD adalah 60% bagi setiap peminjam yang mempunyai gaji bersih minima sebanyak BND1,750.00. Bagi gaji bersih kurang daripada BND1,750.00, TDSR peminjam adalah tertakluk

kepada dasar dalaman institusi kewangan masing-masing. Institusi-institusi kewangan yang berkenaan adalah dikehendaki untuk memastikan pembiayaan yang diberikan tidak membebbankan pelanggan tersebut.

- Notis ini juga menyentuh perlindungan bagi peminjam seperti membolehkan bank-bank dan Perbadanan TAIB untuk menawarkan Skim Penyatuan (*Consolidation*) Pembiayaan di mana ia bertujuan untuk membantu peminjam yang mempunyai beban hutang yang berlebihan dan pembayaran balik hutang bulanan yang tinggi. Skim ini membenarkan peminjam untuk menyatukan hutang yang sedia ada dan seterusnya, dapat mengurangkan pembayaran balik bulanan secara keseluruhan, tertakluk jua kepada memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan; Peminjam adalah dikehendaki untuk mendapatkan perlindungan insurans / takaful bagi setiap pembiayaan peribadi yang tidak bercagar, sama ada yang baru atau yang telah distruktur semula. Ini akan memberikan perlindungan kepada peminjam mahupun ahli keluarga terdekat, jika berlaku kematian dan/atau kehilangan upaya kekal kepada peminjam; Pengawasan yuran dan caj perkhidmatan yang dikenakan kepada peminjam berhubung dengan produk kewangan seperti yuran penyelesaian awal (*early settlement fees*) dan yuran bagi penstrukturan semula / *top-up*. Pengawasan berkenaan adalah bagi membantu peminjam untuk melunaskan hutangnya secara awal tanpa bebanan kos tambahan yang tidak berpatutan. Yuran-yuran bagi mendapatkan Sijil Baki Hutang (*Certificate of Balance*) dan Surat Penyelesaian Pembiayaan (*Clearance Letter*) adalah juga dikawalselia bagi membolehkan peminjam untuk memindah baki pembiayaan kepada bank pilihan dengan mudah tanpa dikenakan caj yang tinggi; dan Menghendaki institusi kewangan berkenaan agar lebih telus kepada pelanggan mengenai semua yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk-produk dan perkhidmatan. Langkah-langkah yang dikehendaki adalah termasuk memberikan Jadual Pembayaran Balik Pembiayaan setelah mendapat kelulusan ke atas pembiayaan baharu. Langkah-langkah ini bertujuan untuk menggalakkan pengurusan yang lebih baik ke atas hutang peribadi dan meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan orang ramai.

Sebagai komitmen berterusan AMBD untuk menyediakan pasaran perkhidmatan kewangan yang stabil dan sihat, beberapa Notis Peraturan telah digubal dan dikuatkuasakan mulai 28 Oktober 2015 di mana beberapa kelonggaran telah diperkenalkan yang berhubungkait dengan pembiayaan peribadi, seperti beberapa aliran pendapatan tambahan yang tertentu telah dibenarkan untuk diambil kira sebagai Pendapatan Bulanan Bersih khususnya bagi golongan yang bekerja; dan bank-bank boleh menawarkan kad kredit tanpa keperluan bagi peminjam untuk memasukkan gaji atau mencagarkan simpanan tetap kepada bank yang mengeluarkan kad kredit tersebut.

Jadual 3: Hala Tuju Pembiayaan					
Sektor	2014		2015		Peratus Perubahan (%)
	Jumlah BND juta	% bagi Jumlah Pembiayaan	Jumlah BND juta	% bagi Jumlah Pembiayaan	
Sektor Isi Rumah (<i>Household</i>)	2,956	52.1	3,094	50.7	4.6
Pembiayaan Peribadi	1,577	27.8	1,664	27.3	5.5
Pembiayaan Rumah Kediaman	1,379	24.3	1,430	23.4	3.6
Sektor Korporat	2,719	47.9	3,012	49.3	10.8
<i>Commercial Property</i>	609	10.7	586	9.6	-3.8
Pengangkutan	653	11.5	328	5.4	-49.7
Perdagangan	460	8.1	472	7.7	2.6
Perkhidmatan-Perkhidmatan	303	5.3	798	13.1	163.5
Pembuatan	294	5.2	534	8.7	81.4
Lain-Lain	400	6.9	294	4.8	-26.4
Jumlah Pembiayaan	5,675	100.0	6,105	100.0	7.6

Sumber: Penyelidikan Perbankan / AMBD
Data 2015 belum beraudit

Seterusnya, sebagai komitmen berterusan AMBD untuk mengembangmajukan sektor kewangan yang kukuh dan progresif juga, beberapa peraturan-peraturan telah diteliti kesesuaiannya dan keberkesanannya. Pada 8 September 2015, AMBD telah membatalkan peraturan direktif khusus bagi syarikat-syarikat kewangan yang menghendaki pelanggan untuk menyediakan jumlah deposit sebanyak 12.5% daripada harga kenderaan yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) bagi setiap pembiayaan kenderaan.

Keperluan berkenaan telah dikuatkuasakan melalui direktif yang dikeluarkan pada Disember 2004 dan Oktober 2006 secara berasingan.

GAMBARAN KESELURUHAN SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan di Negara Brunei Darussalam terus berdaya tahan. Sistem perbankan merupakan teras kepada sistem kewangan yang mana pengawalseliaan dan penyelidikan perbankan diperkukuhkan secara berterusan bagi memastikan kestabilan kewangan, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. AMBD akan terus berwaspada terhadap risiko dan faktor-faktor luaran yang boleh menjejaskan sektor kewangan domestik dan ekonomi. Bank-bank dan institusi-institusi kewangan di negara ini tidak mempunyai sebarang pendedahan yang signifikan di luar negara. Dari itu, risiko luaran seperti krisis hutang Greece atau kemungkinan kelembapan pemulihan ekonomi global bukanlah risiko yang besar kepada portfolio pinjaman bank.

Secara keseluruhan, penunjuk kekukuhan kewangan (*financial soundness indicators*) dalam sektor perbankan, kekal pada tahap yang kukuh seperti yang ditunjukkan di Jadual 2 di bawah.

Modal sistem perbankan terus kukuh dengan agregat nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*) sebanyak 21.1% pada tahun 2015. Bank-bank di Negara Brunei Darussalam mempunyai kecairan yang tinggi dengan nisbah aset cair kepada jumlah aset pada tahun 2015 sebanyak 45.6%.

Penggunaan deposit secara produktif juga dapat dilihat melalui

peningkatan nisbah pembiayaan kepada nisbah deposit (tidak termasuk deposit kerajaan) dari 41.7% pada tahun 2014 kepada 46.3% pada tahun 2015. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pembiayaan sektor perniagaan sebanyak 10.8% (Seperti yang diterangkan di Jadual 3).

Secara keseluruhan, aset dan deposit sistem perbankan masing-masing telah menurun sebanyak 8.9% daripada BND18.7 bilion pada tahun 2014 kepada BND17.0 bilion pada tahun 2015 dan sebanyak 11.0% daripada BND16.0 bilion pada tahun 2014 kepada BND14.2 bilion pada tahun 2015. Penurunan aset tersebut adalah disebabkan oleh penurunan kepada *placements* dengan bank-bank dan institusi kewangan di luar negara sebanyak 24.0%.

Di samping itu, penurunan deposit pula adalah disebabkan oleh pengurangan deposit institusi.

Manakala pembiayaan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 7.6% daripada BND5.7 bilion pada tahun 2014 kepada BND6.1 bilion pada tahun 2015. Kualiti aset didapati terus meningkat dengan nisbah bersih pembiayaan tertunggak (*Net Non-Performing Loans / Financing Ratio*) sebanyak 1.7% pada tahun 2015.

Hutang isi rumah merupakan sektor pembiayaan yang utama, iaitu sebanyak 50.7% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan yang mana pembiayaan peribadi merupakan sektor terbesar, iaitu sebanyak 27.3%. Rumah kediaman (*residential housing*) merupakan sektor yang kedua terbesar di mana ia mencatatkan sebanyak 23.4% daripada pembiayaan, iaitu peningkatan sebanyak 3.6% daripada BND1.38 bilion pada tahun 2014 kepada BND1.43 bilion pada tahun 2015.

Penyumbang utama kepada peningkatan tersebut adalah peningkatan sebanyak 9.7% dalam Pembelian Rumah daripada BND0.65 juta kepada BND0.71 bilion, manakala Pembelian Tanah dan Pembinaan telah menurun sebanyak 9.5% daripada BND0.31 bilion kepada BND0.28 bilion.

Selaras dengan aspirasi AMBD untuk menggalakkan pembiayaan bank-bank kepada sektor produktif, pertumbuhan kredit dalam sektor

korporat adalah paling ketara dengan peningkatan sebanyak 10.8%, iaitu daripada BND2.72 bilion pada tahun 2014 kepada BND3.01 bilion pada tahun 2015, yang mana pertumbuhan berkenaan disumbangkan oleh sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan.

Jumlah deposit syarikat-syarikat kewangan telah meningkat sebanyak 2.6% daripada BND1.60 bilion pada tahun 2014 kepada BND1.64 bilion pada tahun 2015. Syarikat-syarikat kewangan, yang mana aktiviti utamanya adalah urus niaga sewa beli, telah mengalami penurunan yang ketara dalam jumlah aset dan pembiayaan, iaitu masing-masing sebanyak 7.7% daripada BND2.3 bilion kepada BND2.2 bilion, dan 10.7% daripada BND2.0 bilion kepada BND1.8 bilion.

Penurunan dalam aset dan pembiayaan antara lainnya disebabkan oleh perkara-perkara berikut :

Beberapa pelanggan telah mengambil peluang daripada Skim Penyatuan (*Consolidation*) Pembiayaan yang telah berkuatkuasa mulai bulan Jun 2015 dengan menyatukan pembiayaan-pembiayaan mereka termasuk pembiayaan dengan syarikat-syarikat kewangan, untuk dijadikan satu pembiayaan dengan bank masing-masing; dan

Peraturan TDSR pada bulan Jun 2015 antara lainnya telah menyebabkan pelanggan-pelanggan untuk memberi keutamaan kepada pembiayaan aset yang lebih bermanfaat dan mempunyai peningkatan nilai (*appreciating asset*) seperti pembiayaan rumah kediaman (yang mana telah menunjukkan peningkatan sebanyak BND50 juta pada tahun 2015. Sila rujuk Jadual 3) dan secara tidak langsung mengurangkan pembiayaan kenderaan.

AMBD melalui Unit Penyelidikan Perbankan adalah bertanggungjawab bagi melesen, mengawalselia dan menyelia bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan di negara ini. Objektif utama unit berkenaan ialah untuk memastikan keselamatan dan kekukuhan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan serta melindungi kepentingan pengguna dan orang ramai.

Penjelajah dunia tempatan dihargai

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zuli-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Mac. - Menjelajahi seluruh dunia bagi mengenalkan Negara Brunei Darussalam tercinta ke merata negara merupakan pencapaian yang cukup bernilai oleh Dayang Norhayati binti



DAYANG Norhayati binti Abu Bakar ketika mengongsikan pengalamannya menjelajah banyak negara bagi memperkenalkan Negara Brunei Darussalam ke mata dunia.

Abu Bakar bersama suami dalam mengharumkan lagi nama negara.

Beliau menjelajah dunia menggunakan pacuan empat roda yang membuktikan semangat juang generasi muda serta mengajar erti kesabaran dan tawakal dalam menghadapi apa juga rintangan yang dihadapi.

Sehubungan itu, Majlis Apresiasi dan Kongsi Pengalaman Menjelajah Dunia berlangsung di Dewan Anggerik, Sekolah Menengah Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Perlancongan, Awang Wardi bin Haji Mohd. Ali.

Aturcara dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Mustafa bin Haji Awang Murat diikuti ucapan alu-aluan yang

disampaikan oleh Pengerusi Majlis, Leftenan Kolonel (B) Haji Abidin bin Haji Haris yang antaranya menjelaskan tujuan majlis tersebut, iaitu memberikan penghargaan dan sanjungan di atas usaha yang telah ditunjukkan oleh Dayang Norhayati yang juga mantan pelajar sekolah berkenaan.

Usaha beliau itu katanya, telah membuktikan keberanian, keupayaan dan kesanggupan menjelajah dunia dengan memperkenalkan bendera dan nama Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, majlis ini juga tambahnya bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara mantan guru-guru dan pelajar-pelajar yang pernah belajar di sekolah ini di suatu ketika dulu yang bernama Sekolah Ingeris Berakas.

"Syabas kepada Dayang Norhayati di atas kejayaan beliau bersama suami menjelajah dunia dengan menggunakan kereta pacuan empat roda yang mereka namakan 'Jambo'. Semoga usaha beliau ini akan menjadi motivasi dan inspirasi kepada masyarakat kita



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Perlancongan, Awang Wardi bin Haji Mohd Ali (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat.

khususnya belia-belia agar menjadi warga kuat dan berani menempuh sebarang cabaran, bangsa kita juga adalah merupakan bangsa yang mempunyai daya saing yang kuat sama seperti bangsa lain yang ada di dunia ini," ujarnya.

Beliau seterusnya menambah, sebegitu jauh perjalanan dan pengembaraan Dayang Norhayati ini, namun beliau tetap membawa sebuah keyakinan, bahawa di mana bumi dipijak, di sana langit dijunjung kerana keyakinan beliau inilah menjadikannya berjaya mengharungi segala halangan dan dugaan sepanjang pengembaraannya.

Katanya lagi, inilah sikap yang patut dicontohi dan diikuti khususnya oleh belia-belia di negara ini jika hendak berjaya dalam apa juga kegiatan yang diceburi.

"Keyakinan pada diri sendiri itu amat penting, jangan cepat putus asa dan mengalah, sentiasa yakin, di samping memohon pertolongan daripada yang Maha Esa. Jadikanlah kejayaan Dayang Norhayati ini

sebagai visi kehidupan masa mendatang, terutama bagi kita yang suka untuk mengembara, mungkin tidak sejauh seperti pengembaraan yang dilakukan oleh Norhayati atau mungkin lebih jauh daripada itu," ujarnya.

Ini hanyalah sebagai salah satu contoh pengembaraan menjelajah dunia tambahnya, mungkin ada yang bercita-cita melalui pengembaraan lain seperti menakluki Gunung Everest atau menakluki Kutub Utara dan Kutub Selatan, segalanya akan berjaya jika ada keyakinan diri, di samping usaha yang berterusan tanpa merasa kecewa dan putus asa.

Pada majlis itu, Dayang Norhayati juga mengongsikan kisah perjalanan mereka semasa menjelajahi seluruh dunia, cabaran-cabaran yang dihadapi serta pengalaman dan pengajaran yang diperolehi di sepanjang ekspedisi mereka.

Majlis kemudian diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada Dayang Norhayati yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Lawatan penuntut ke Insurans Islam TAIB



PELAJAR sekolah rendah mengabdikan kenangan bersama semasa membuat lawatan ke Insurans Islam TAIB.

Siaran Akhbar dan Foto :
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Mac. - Insurans Islam TAIB telah menerima rombongan lawatan daripada penuntut-penuntut sekolah rendah.

Lawatan ini dianjurkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan bagi acara Global Money Week (GMW) 2016 dan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan para penuntut tentang operasi syarikat insurans atau takaful dan seterusnya, meningkatkan lagi pengetahuan mereka tentang sistem kewangan di Negara Brunei Darussalam secara menyeluruh.

Pada hari Isnin, 14 Mac, seramai 30 orang penuntut dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah Rendah Beribi dan Sekolah Rendah Muda Hashim telah melawat pejabat Insurans Islam TAIB di Bandar Seri Begawan manakala

pada hari ini, 30 lagi penuntut dari Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah, Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin dan Tinkerbell Learning School telah membuat lawatan yang sama.

Di Insurans Islam TAIB, para penuntut telah menerima taklimat ringkas mengenai dengan latar belakang insurans / takaful, aktiviti harian Insurans Islam TAIB dan seterusnya, melawat premis pejabat Insurans Islam TAIB. Selain itu, kuiz dan permainan interaktif yang bertemakan pengurusan wang juga turut diadakan.

Sementara itu, seramai 160 lagi penuntut telah membuat lawatan ke Baiduri Bank, BIBD dan Galeri Mata Wang AMBD semasa acara GMW ini diadakan.

GMW adalah salah satu acara bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kewangan yang disambut setiap tahun dan dianjurkan oleh pihak Child & Youth Finance International (CYFI).

Negara Brunei Darussalam telah menyertai acara ini sejak dua tahun yang lalu, diketuai oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Kempen Kebersihan beri kesedaran bersama

TEMBURONG, Isnin, 14 Mac. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan Jabatan Daerah Temburong mengadakan Kempen Kebersihan sebagai kesinambungan Kempen Kebersihan pada hari Sabtu, 12 Mac yang diadakan di kawasan Tamu Aneka Temburong.

Manakala Kempen Kebersihan yang diungkayahkan hari ini meliputi kawasan Kompleks Perniagaan Bumiputera, Pekan Bangar.

Kempen Kebersihan itu antara lain dihasratkan untuk memberi kesedaran dan menanamkan kefahaman kepada warga Daerah Temburong bahawa memastikan kebersihan adalah tanggungjawab bersama bukan hanya di pihak kerajaan semata-mata.

Selain itu, ia adalah sebagai salah satu inisiatif bagi memastikan kebersihan kawasan bangunan komersial yang sering menjadi kunjungan orang ramai di daerah ini.

Kempen tersebut melibatkan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Temburong



KEMPEN Kebersihan meliputi kawasan Kompleks Perniagaan Bumiputera, Pekan Bangar.

beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan

Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi; Jabatan Kerja Raya serta semua peniaga yang terlibat.

MUIB bantu masyarakat tidak berkemampuan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PEGAWAI dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) ketika berjumpa dengan Dayangku Sinah binti Pengiran Mohd. Karim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Merujuk artikel yang dikeluarkan oleh akhbar Media Permata keluaran Rabu, 9 Mac berhubung tajuk 'Memohon Bantuan Kewangan', muka surat 6, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengucapkan terima kasih dan penghargaan atas perkongsian maklumat mengenai masyarakat yang kurang bernasib baik dan tidak berkemampuan di negara ini.

Dalam memeduli masyarakat Islam yang kurang bernasib baik dan tidak berkemampuan ini, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat telah mengambil langkah segera dengan menyiasat serta berjumpa terus kepada warga tempatan yang kurang bernasib baik tersebut, Dayangku Sinah binti Pengiran Mohd. Karim, iaitu seorang balu yang tinggal di alamat No. 29, Simpang 4, Jalan Kalajiau, Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga, Seria.

Hasil dari laporan siasatan dan perjumpaan tersebut, MUIB dengan serta-merta telah meluluskan agihan wang zakat berupa kewangan bulanan dan asasi yang diambil daripada Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir dan Miskin.

MUIB sangat berterima kasih dan berbesar hati atas maklumat-maklumat yang telah diberikan mengenai golongan-golongan yang kurang bernasib baik seperti yang menimpa Dayangku Sinah binti Pengiran Mohd. Karim.

Larian Amal Tongkat Putih platform menderma kepada BDNAB

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Mac. - Lebih 1,200 peserta menyertai Larian Amal Tongkat Putih 2016 yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Antara yang menyertai larian ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga menyertai larian amal ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud.

Larian yang dibahagikan kepada enam kategori bagi penyertaan orang ramai termasuk orang-orang berkeperluan khas itu bermula dengan senaman pemanasan badan dan diikuti dengan pelepasan larian.

Dianjurkan oleh Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNAB) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, larian antara lain mempunyai objektif untuk memberikan peluang kepada ahli-ahli persatuan berkenaan bagi mengikuti aktiviti larian secara beramai-ramai dalam usaha mengamalkan cara hidup sihat melalui bersenam.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (tiga, kiri) menyertai Larian Amal Tongkat Putih 2016.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Selain itu, larian juga bertujuan bagi memberi peluang kepada orang ramai dan sektor-sektor korporat menderma kepada Dana BDNAB yang akan digunakan bagi membiayai program-program operasi seperti bimbingan, latihan kerjaya dan juga pemulihan untuk golongan tersebut.

BDNAB telah pun berhasil mengumpulkan kutipan derma lebih daripada BND13,000 yang akan digunakan untuk membeli alat-alat keperluan khas orang cacat penglihatan seperti tongkat putih, mesin braille, embosser dan sebagainya.

Pasukan Bola Sepak Sekolah Rendah Mabohai juara



GURU Besar Sekolah Rendah Mabohai, Dayang Salinawati binti Md. Zainal hadir selaku tetamu kehormat (berdiri, enam dari kanan) bergambar ramai bersama Juara kejohanan tersebut.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin, Mohammad Fakhri Jamil
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Empat jaringan hasil sentuhan Awang Haziq Naquiddin bin Jasra sudah cukup untuk pasukan Sekolah Rendah Mabohai menjuarai Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Rendah Brunei I setelah menumpaskan musuh tradisinya Sekolah Rendah Pusu Ulak 4 - 1.

Tempat ketiga kejohanan dimenangi oleh pasukan dari Sekolah Rendah

Sungai Kebun setelah berjaya mengalahkan Sekolah Rendah Haji Tarif dengan jaringan 3 - 0.

Perlawanan tersebut dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan yang dikendalikan oleh Sekolah Rendah Mabohai selaku tuan rumah kejohanan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan tersebut ialah Guru Besar

Sekolah Rendah Mabohai, Dayang Salinawati binti Md. Zainal.

Pada peringkat awal pasukan Sekolah Rendah Mabohai berjaya menumpaskan pasukan Sekolah Rendah Haji Tarif 3 - 0 sebelum pasukan Sekolah Rendah Pusu Ulak membelasah 4 - 0 ke atas pasukan Sekolah Rendah Sungai Kebun.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Awang Haziq Naquiddin dipilih menjadi pemain terbaik kejohanan tersebut.

Pasukan Happy Aurora, Pasukan Berinut FT muncul juara

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Mac. - Acara Kejohanan Bola Jaring dan Futsal antara Bahagian-bahagian Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan buat pertama kali dikendalikan oleh gabungan Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama (BPPA) dan Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) telah diadakan di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya (JKR), di sini.

Sebanyak lima buah pasukan mengikuti kejohanan bola jaring dan enam buah pasukan mengikuti futsal yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang mewakili bahagian-bahagian di bawah Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

Muncul johan bagi bola jaring disandang oleh Pasukan Happy Aurora dari Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama, naib johan dimenangi oleh Pasukan AU & AT dari Bahagian Pengurusan, Perkembangan dan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan dan tempat ketiga diberikan kepada Pasukan Honeybees dari Gabungan Pejabat Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, HSSE, Unit Audit Dalaman dan Unit Penghapusan dan Kira-Kira.

Penyampaian hadiah kepada pasukan pemenang bola jaring disampaikan oleh Ketua Bahagian Perjawatan, Pengiran Hajah Juliamah binti Pengiran Haji Omar Ali.

Bagi kejohanan futsal pula, juara disandang oleh Pasukan Berinut FT dari Bahagian Perjawatan, naib juara dimenangi oleh Pasukan Kebung Kayangan dari Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama dan tempat ketiga diberikan kepada Pasukan Karih-Karihi dari Bahagian Pengurusan dan Perkembangan.

Penyampaian hadiah kepada pasukan pemenang futsal disampaikan oleh Ketua Bahagian HSSE, Pengiran Nazrul Arif bin Pengiran Dato Paduka Haji Md. Zain.

Antara tujuan utama kejohanan adalah sebagai salah satu projek atau aktiviti tahunan jabatan dan memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan di antara bahagian dan unit-unit untuk berinteraksi dan mengeratkan lagi silaturahim sesama sendiri.



KETUA Bahagian Perjawatan, Pengiran Hajah Juliamah binti Pengiran Haji Omar Ali (berdiri, tengah) semasa bergambar kenangan bersama johan Netball pasukan 'Happy Aurora'.

Seramai 12 buah Sekolah Rendah Kawasan Brunei I menyertai kejohanan berkenaan.

Kejohanan antara lain diadakan untuk menjalinkan hubungan silaturahim dalam kalangan murid, di samping mengembangkan daya saing yang sihat dan keluhuran budi serta membina jasmani juga rohani sihat serta mantap, di samping meningkatkan tahap disiplin murid.

Selain dari itu, kejohanan ini juga dijalankan bagi memilih wakil Pasukan Bola Sepak Kawasan Brunei I

untuk bertanding di Kejohanan Bola Sepak Pesta Sukan Sekolah-Sekolah Rendah Senegara yang akan dijalankan di penghujung tahun ini.

Kejohanan berkenaan terbuka kepada Sekolah-sekolah Rendah mengikut kawasan masing-masing. Penyertaan hanya terbuka kepada murid-murid lelaki sahaja yang berumur 12 tahun ke bawah. Setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja yang terdiri daripada 18 pemain termasuk pemain simpanan.

PELITA BRUNEI BOLEH DIBACA SETIAP HARI
MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA TERKINI.

ELAK PEMBAKARAN TERBUKA, CEGAH JEREBU BERSAMA

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.